KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTERIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

LAPORAN TAHUNAN 2025

JABATAN ALAM SEKITAR

WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR (JAS WPKL)



inlay JAS KL-D2.indd 1 09/09/2026 9:38 AM

inlay JAS KL-D2.indd 2 09/09/2026 9:38 AM

KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTERIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

LAPORAN TAHUNAN 2025

JABATAN ALAM SEKITAR

WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR (JAS WPKL)



inlay JAS KL-D2.indd 3 09/09/2026 9:38 AM



Cetakan Pertama 2026

Hak Cipta Jabatan Alam Sekitar
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

ISSN
3030-5128

Diterbitkan di Malaysia oleh
Jabatan Alam Sekitar
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
L4-I-3 Hive 5, Taman Teknologi Mranti,
Lebuhraya Puchong - Sg. Besi, Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur

Dicetak oleh
Visual Print SDN. BHD.
No. 47, 47-1, Jalan Damai Raya 1
Alam Damai, Cheras
56000 Kuala Lumpur

KANDUNGAN

PERUTUSAN PENGARAH ii
INFOGRAFIK iv

BAB 1

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN 1
Pengurusan Sumber Manusia 2
Pengurusan Kewangan 5
Pengurusan Teknologi Maklumat 6

BAB 2

BAHAGIAN PEMBANGUNAN 7
Penilaian Input Pembangunan 8
Penilaian Laporan EIA 9
Geographical Information System (GIS) dan Dron 10
Pemberitahuan Bertulis dan Perisytiharan Bertulis 12
Penguatkuasaan Projek-Projek EIA 12
Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) 15
Penyelarasan Data dan Pelan Strategik 16
Program Pengukuhan Kumpulan JAS WPKL 18
Program Sesi Pembelajaran Pegawai JAS WPKL 20

BAB 3

BAHAGIAN OPERASI 23
Penguatkuasaan Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) 24
Penguatkuasaan Loji Pengolahan Kumbahan 31
Penguatkuasaan Premis Yang Ditetapkan (PYDT BT) 35
Penguatkuasaan Punca-Punca Bergerak 36
Aduan Pencemaran 44
Pendakwaan Kes 47

BAB 4

PROGRAM PENGAWASAN DAN KESEDARAN 51
Pengawasan Kualiti Air Tanah 52
Pengawasan Kualiti Udara 56
Pengawasan Kualiti Air Sungai 58
Promosi Kesedaran Alam Sekitar 61
Pelajar Latihan Industri 84

PERUTUSAN PENGARAH



> “Usaha pengawasan kualiti udara, air dan bunyi serta pelaksanaan program kesedaran awam adalah sejajar dengan matlamat global untuk memastikan pembangunan yang inklusif, selamat, lestari dan berdaya tahan.”

PUAN HAJAH ZURAINI BINTI HAJI AHMAD TAJUDIN
PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) sekali lagi berjaya menerbitkan Laporan Tahunan 2025. Laporan ini menjadi bukti komitmen dan usaha berterusan Jabatan dalam memastikan kelestarian alam sekitar terus dipelihara demi kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara.

Sepanjang tahun 2025, JAS WPKL telah melaksanakan pelbagai program penguatkuasaan, pengawasan serta pendidikan dan kesedaran awam dengan penuh dedikasi. Kejayaan ini dapat dilihat melalui keberkesanan tindakan terhadap punca-punca pencemaran, peningkatan tahap pematuhan industri terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 serta penglibatan aktif masyarakat dalam program kesedaran. Semua pencapaian ini adalah hasil kerjasama erat antara Jabatan dengan agensi-agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan, pihak swasta dan komuniti setempat.

Dalam melaksanakan tanggungjawab, JAS WPKL sentiasa menitikberatkan prinsip Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals, SDGs), khususnya yang berkaitan dengan SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan), SDG 12 (Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab), SDG 13 (Tindakan Terhadap Perubahan Iklim) dan SDG 15 (Kehidupan di Darat). Usaha pengawasan kualiti udara, air dan bunyi serta pelaksanaan program kesedaran awam adalah sejajar dengan matlamat global untuk memastikan pembangunan yang inklusif, selamat, lestari dan berdaya tahan.

Hubungan erat dengan agensi sahabat telah memantapkan komitmen terhadap penjagaan alam sekitar. Kerjasama strategik ini menggerakkan pencapaian SDG 17 (Kerjasama Demi Matlamat), menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar hijau dan mampan.

Jabatan juga terus memperkukuh pelaksanaan *Environmental Impact Assessment* (EIA) bagi memastikan setiap pembangunan di Kuala Lumpur mengambil kira aspek kelestarian dan kesejahteraan masyarakat. Walaupun berdepan dengan cabaran seperti peningkatan aktiviti pembangunan dan tekanan terhadap sumber alam sekitar, semangat kerjasama dan komitmen tinggi warga JAS WPKL telah memastikan segala tugasan dapat dilaksanakan dengan cemerlang. Kejayaan tahun 2025 ini adalah hasil daripada dedikasi, disiplin dan semangat berpasukan yang tidak pernah luntur.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua warga kerja cemerlang JAS WPKL atas pencapaian yang membanggakan ini. Semoga laporan tahunan ini menjadi rujukan berguna kepada semua pihak dalam usaha bersama kita untuk terus memelihara dan memulihara alam sekitar, demi kesejahteraan generasi kini dan akan datang.

inlay JAS KL-D2.indd 3 09/09/2026 9:39 AM



PEGAWAI

57 (Teknikal)

16 (Pentadbiran)

KENDERAAN

12

KELUASAN

243 km²

PENDUDUK

2.08 Juta

PROJEK EIA

- Menaiktaraf STP KLR 201
- Pembangunan Villa 52 Unit
- Menaiktaraf STP di Kiara Bay
- Taman Persekutuan Bukit Kiara
- Pembangunan Pusat Data di TPM
- Loji Rawatan Kumbahan Serantau Batu
- Pembangunan Kediaman – Jalan Air Kolam
- Pembangunan Bercampur – Mukim Setapak
- Mixed Use Development – Mukim Bandar KL
- Pembangunan Bercampur – Jalan Raja Chulan
- Pembinaan Kediaman – Persiaran Desa Aman 1
- Laluan Lingkaran – Mass Rapid Transit Laluan 3
- Pembangunan Bercampur bagi Bandar Malaysia
- Penswastaan Sambungan Lebuhraya Baru Pantai
- Loji Rawatan Kumbahan – Greenearth Landmark
- Tapak Platform Bagi Pencawang Masuk Utama (TPM)
- Temporary Sewage Treatment Plant – Taman Wahyu
- Pembinaan 2 Buah Banglo – Jalan Merchu Bukit Tunku
- Pembangunan Residensi & Komersial – Mukim Setapak
- Residential & Commercial Redevelopment – Kampung Kerinchi & Pantai Dalam
- Pusat Pengkalan Data untuk Tetuan Amazon Data Services

PUNCA PENCEMARAN



PENDIDIKAN & KESEDARAN



SEKOLAH

Sekolah Rendah – **190**

Sekolah Menengah – **104**

IPTA DAN IPTS

Universiti – **18**

Politeknik – **1**

Kolej/Universiti – **20**

LEMBANGAN SUNGAI



SUNGAI KLANG

PENGAWASAN

UDARA



STATION AUTOMATIK

- Batu Muda
- Cheras
- Putrajaya

AIR TANAH



- Taman Beringin Kepong (2)
- Jalan Sungai Besi (3)
- Taman Wetland Putrajaya
- Royal Selangor Golf Club

LEMBANGAN SG.KLANG



- Manual River Water Quality Monitoring Station (27)
- Automatic River Water Quality Monitoring Station (1)

BIL. KOMPAUN : 505
HASIL : RM158,200.00

inlay JAS KL-D2.indd 4 09/09/2026 9:39 AM



PENCAPAIAN PENTADBIRAN 2025

PERKHIDMATAN



PELAKSANAAN SISTEM HRMIS

- Pengisian Sasaran Kerja Utama (SKU): 67 Pegawai
- Pengisian Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT): 67 Pegawai
- Pengisytiharan Harta dalam tempoh 5 tahun: 11 Pegawai



PELAKSANAAN MESYUARAT/PROGRAM

- Mesyuarat Pagi Jabatan: 7 kali
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Fasiliti: 3 kali
- Melaksanakan Mesyuarat JPKA: 6 kali
- Perhimpunan Bulanan: 6 kali
- Program Integriti: 2 kali





MENGEMASKINI BUKU PERKHIDMATAN

- Mengemaskini Buku Perkhidmatan Kerajaan: 69 Pegawai
- Merekod Cuti Anggota ke dalam Buku Perkhidmatan: 69 Pegawai
- Perubahan dan Pergerakan Gaji: 69 Pegawai



MENYELARAS LAPORAN KEHADIRAN DAN KURSUS

- Merekod data kursus dan memastikan kehadiran kursus sekurang-kurangnya 5 hari: 67 Pegawai
- Menyediakan laporan kehadiran pegawai bagi tujuan pelaporan (DTA): 67 Pegawai

PENGURUSAN



KENDERAAN DAN ASET

- Buku Log Kenderaan dikemaskini: 12 kali
- Pemeriksaan Aset: 1 kali
- Kemaskini KEW.PA: 1 kali

STOR

- Kadar Pusingan Stor: 2.27 kali
- Melaksanakan Verifikasi: 1 kali





TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Pembaikan dan naik taraf aset ICT: 1 kali



KEWANGAN

- Penyediaan Laporan Perbelanjaan dan kemukakan ke Bahagian NRES: 12 kali
- Pemeriksaan mengejut AP309 dan AP308: 2 kali
- Pembayaran bil dalam tempoh 14 hari: Patuh

SASARAN PENTADBIRAN 2026

PERKHIDMATAN



PELAKSANAAN SISTEM HRMIS

- Penilaian Prestasi MyPerformance: 73 Pegawai
- Pengisytiharan Harta dalam tempoh 5 tahun: 11 Pegawai



PELAKSANAAN MESYUARAT/PROGRAM

- Mesyuarat Pagi: 6 kali
- Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Akaun (JKPA): 4 kali
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Fasiliti (JKPAK): 4 kali
- Perhimpunan Bulanan: 6 kali
- Program Integriti Jabatan: 1 kali



MENGEMASKINI BUKU PERKHIDMATAN PEGAWAI

- Kenyataan Cuti Pegawai: 73 Pegawai
- Kenyataan Perkhidmatan Pegawai: 73 Pegawai
- Perubahan dan Pergerakan Gaji Pegawai: 73 Pegawai



MENYELARAS LAPORAN KEHADIRAN DAN KURSUS

- Merekod data kursus dan memastikan kehadiran kursus sekurang-kurangnya 5 hari: 73 Pegawai
- Menyediakan laporan kehadiran pegawai bagi tujuan pelaporan (DTA): 12 kali

PENGURUSAN

KENDERAAN

- Penyelenggaraan Berkala dan Pembaikan Aksesori: 12 buah kenderaan
- Memastikan Buku Log Kenderaan dikemaskini mengikut jadual: 12 buah kenderaan



STOR

- Melaksanakan Verifikasi dan memastikan Kadar Pusingan Stor tercapai: 1 kali dengan kadar pusingan ideal 4.0



TEKNOLOGI MAKLUMAT (ICT)

- Pembaikan dan Naik Taraf Aset ICT, komputer & komputer riba.
- Kemukakan permohonan keperluan ICT untuk tahun 2026.
- Memohon peruntukan naik taraf komputer yang melebihi 5 tahun. Naik taraf merangkumi tambahan RAM dan juga penggantian HDD kepada SSD.
- Penggantian komputer yang melebihi 10 tahun di JAS WPKL.
- Melakukan pelupusan pada suku tahun ketiga.



KEWANGAN

- Penyediaan laporan Perbelanjaan dan kemukakan ke Bahagian NRES: 12 kali
- Pemeriksaan mengejut AP309 dan AP308: 2 kali
- Pembayaran bil dalam tempoh 14 hari.





BAHAGIAN PEMBANGUNAN

PENILAIAN EIA, INPUT PEMBANGUNAN, NOTIFIKASI & GEOSPATIAL

- 25 Laporan EIA dalam piagam;
- 115 Penilaian Input Pembangunan;
- 115 Pemberitahuan Bertulis di bawah PPKAS (UB) 2014;
- 53 Kali penggunaan dron;
- 2 Pemetaan; dan
- 2 Siri latihan dron.

PEMATUHAN EIA

- 126 Penguatkuasaan terhadap kesemua projek EIA;
- 11 Notis Arahan; dan
- 10 Pemprosesan EMP.

PENDIDIKAN & KESEDARAN

- Sambutan Hari Bumi (22 April), 13 program (17 aktiviti);
- Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) (5 Jun), 10 program (28 aktiviti);
- Sambutan Hari Ozon Sedunia (16 Sept), 12 program (40 aktiviti);
- Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) (21 Okt), 3 program (17 aktiviti);
- Program pengumpulan BEE / e-waste: 42 program;
- Aktiviti Kesedaran Mencegah Pencemaran air, udara & BT selain program utama: 20 program;
- Pameran Alam Sekitar: 22 pameran;
- Ceramah Alam Sekitar: 23 ceramah;
- Pendaftaran Ahli Rakan Alam Sekitar (RAS): 1200 orang; dan
- Program bersama Ahli RAS: 16 aktiviti.

PROGRAM PENGAWASAN

- Bilangan Kekerapan Menggunakan Modul Pengawasan Sungai dan Marin Sistem EQMP: 297
- Pengawasan Kualiti Air Tanah: 6 stesen
- Pengawasan Stesen Manual Sungai: 4
- Pengawasan Stesen Automatik Udara: 2

PENYELARASAN DATA & PELAN STRATEGIK

- Menerbitkan Laporan Tahunan Jabatan: 1 naskah
- Menyediakan Laporan Pencapaian Kerja Tahunan (KPI): 4
- Penyediaan Program Kerja Tahunan: 100%
- Penyediaan Data & Statistik untuk Agensi: 12
- Penyediaan Laporan Mesyuarat Jabatan Dalaman/Luaran: 12
- Program Book Review: "The Encyclopedia of Malaysia: Early History" dan "Serious Incident Prevention"
- Penganjuran Retreat Jabatan: 1
- Sesi Pembelajaran: 1 Lawatan Sambil Belajar ke J&T Naza Bukit Tagar
- Pemeriksaan Punca Pencemaran: 82
- Pemantauan Sistem EQMP: 100%

BAHAGIAN OPERASI

KENDERAAN BERMOTOR

- Operasi Catat: 221 Operasi dan 221 Pemerhatian
- Operasi Fleet Operator: Diesel 2 Pemeriksaan & Petrol 8 Pemeriksaan
- Kawalan pelepasan daripada enjin diesel (Peraturan 16) PPKAS (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996: 12 Pemeriksaan
- Pengurusan Refrigeran: 10 pemeriksaan
- OPS STATIK: 90 operasi
- Persampelan Kawalan Kandungan Petrol & Diesel 2007 & Pindaan (2013): 30 Persampelan
- Ujian Saksi di PUSPAKOM: 125 Ujian
- Pemeriksaan KYDL/PUSPAKOM: 80 pemeriksaan
- Notis Arahan Sek 31(1) & 48A: 449 telah dikeluarkan
- Kompaun: 449 telah dikeluarkan

PYDT & LOJI KUMBAHAN

- 114 Bilangan pemeriksaan;
- 11 Notis Arahan;
- 21 Persampelan rasmi;
- 2 Kompaun & 5 Kertas Siasatan; dan
- 10 Permohonan Pembaharuan Lesen PYDT (BT).

PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN

- 696 Bilangan Penguatkuasaan;
- 40 Kompaun Dikeluarkan;
- 102 Notis Arahan Dikeluarkan;
- 29 Kertas Siasatan Pendakwaan Disediakan;
- 24 Persampelan Dilakukan;
- 169 Proses Pemberitahuan dan Perisytiharan Bertulis; dan
- 12 Siri Ops Gempur;
- Pemprosesan Kelulusan Bertulis untuk Peraturan 23, PPKAS (EP) 2009: 5
- Pemprosesan Pemberitahuan Bertulis untuk PPKAS (UB) 2014: 125
- Pemprosesan Perisytiharan Bertulis untuk PPKAS (UB) 2014: 42
- Pemprosesan Pemberitahuan Bertulis untuk PPKAS (EP) 2009: 4
- Pemprosesan Perisytiharan Bertulis untuk PPKAS (EP) 2009: 3

UNIT PENDAKWAAN

- Kertas Siasatan Izin Kompaun: 484
- Kertas Siasatan Izin Dakwa: 19
- Kertas Pertuduhan Izin Dakwa Mahkamah: 33
- Jumlah Kutipan Kompaun: RM158,200.00
- Denda Mahkamah: RM 232,000.00

UNIT ADUAN

- Aduan yang Diterima: 925
- Rondaan Daratan: 161
- Rondaan Udara (Dron): 6

inlay JAS KL-D2.indd 6 09/09/2026 9:39 AM



BAHAGIAN PEMBANGUNAN

PENILAIAN EIA, INPUT PEMBANGUNAN, NOTIFIKASI & GEOSPATIAL

- 20 Laporan EIA dalam piagam;
- 60 Penilaian Input Pembangunan;
- 60 Pemberitahuan Bertulis di bawah PPKAS (UB) 2014;
- 40 Perisytiharan Bertulis di bawah PPKAS (UB) 2014;
- 48 Kali penggunaan dron;
- 4 Pemetaan; dan
- 2 Latihan dron.

PEMATUHAN EIA

- 150 penguatkuasaan projek EIA;
- Pemprosesan Pemberitahuan Bertulis;
- Pemprosesan dokumen EMP;
- Kursus hands-on bagi sistem SPEIA; dan
- Seminar Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dan Penguatkuasaan EIA.

PENDIDIKAN & KESEDARAN

- Sambutan Hari Bumi (22 April);
- Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) (5 Jun);
- Sambutan Hari Ozon Sedunia (16 September);
- Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) (21 Oktober);
- Program pengumpulan BEE / e-waste;
- Penyertaan sekolah dalam Program Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar;
- Pameran Alam Sekitar;
- Kerjasama dengan Rakan Strategik (RS);
- Muat naik bahan/maklumat dalam EKMC;
- Muat naik bahan/maklumat dalam EMUSEUM;
- Ceramah Alam Sekitar;
- Pendaftaran Ahli Rakan Alam Sekitar (RAS);
- Program bersama RAS;
- Hebahan melalui media massa (elektronik dan cetak);
- Hebahan melalui media sosial (FB, Twitter, Instagram, Youtube);
- Seminar / Bengkel / Taklimat; dan
- Menerbitkan video pendek berorientasi kesedaran dan penguatkuasaan alam sekitar.

PROGRAM PENGAWASAN

- Pengawasan Kualiti Air Tanah
- Kawal selia data-data EQMP

PENYELARASAN DATA & PELAN STRATEGIK

- Menerbitkan Laporan Tahunan Jabatan: 1 naskah
- Menyediakan Laporan Pencapaian Kerja Tahunan (KPI): 4
- Penyediaan Program Kerja Tahunan: 100%
- Penyediaan Data dan Statistik untuk Agensi: 12
- Penyediaan Laporan Mesyuarat Jabatan Dalaman/Luaran: 12
- Sumbangan Artikel Ilmiah: 2 artikel
- Book Review: 2 buku
- Lawatan Kerja Sambil Belajar: 2
- Penganjuran Retreat Jabatan: 1
- Pemverifikasian Punca Pencemaran: 120
- Sesi Pembelajaran Kolokium / Latihan: 6

BAHAGIAN OPERASI

KENDERAAN BERMOTOR

- Operasi Catat (450 Operasi);
- Operasi Fleet Operator (Diesel, 12 Operasi) & (Petrol, 10 Operasi);
- Kawalan pelepasan daripada enjin diesel, Peraturan 16 (25 Operasi);
- Pengurusan refrigeran (15 Operasi);
- Ops Statik Diesel & Kawalan Pelepasan Enjin Petrol (90 Operasi);
- Persampelan kawalan kandungan Petrol & Diesel 2007 & Pindaan (2013), (30 Persampelan);
- Ujian Saksi di PUSPAKOM (125 Ujian);
- Notis Arahan (300); dan
- Kompaun (300).

PYDT & LOJI KUMBAHAN

- 14 kali sebulan pemeriksaan tertakluk ketetapan JAS Ibu Pejabat;
- 202 bilangan penguatkuasaan PYDT (BT) dan Loji Kumbahan;
- 43 kompaun;
- 43 kertas siasatan; dan
- Mematuhi Arahan Pejabat (Ogos 2021) mengenai Penyelarasan & semak silang dengan inventori eKAS (data IWK & SPAN).

PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN

- 808 bilangan penguatkuasaan;
- 172 kompaun;
- 172 kertas siasatan;
- Pendaftaran eSWIS v2 : 100%
- Memastikan data SIMPAS lengkap 100%;
- Menjalankan inventori punca pencemaran di lapangan; dan
- Penggunaan MyPremis 100%

UNIT PENDAKWAAN

- Kumpul fakta kes berkaitan untuk dilaporkan kepada JAS Ibu Pejabat (Bahagian Penguatkuasa) – 3 kes bagi setiap JAS Negeri;
- Kes dicadangkan ialah kes selesai bicara dan mengaku salah bagi tempoh 2023 hingga terkini;
- Pengurusan rekod bilik stor eksibit yang lebih efisien dan teratur;
- Pelupusan eksibit bagi kes selesai Mahkamah tahun 2024 dan 2025;
- Rekod kes lama dikemaskini dan disimpan secara database;
- Kerjasama dengan Jabatan Arkib Negara untuk rekod pelupusan kertas siasatan.

UNIT ADUAN

- Sasaran siasatan aduan 100% mengikut piagam.
- Program kerjasama dengan APM rondaan mencegah Pembakaran Terbuka
- Penyelaras Operasi Bersepadu agensi-agensi

inlay JAS KL-D2.indd 7 09/09/2026 9:39 AM



inlay JAS KL-D2.indd 8 09/09/2026 9:39 AM



BAB

1

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

inlay JAS KL-D2.indd 1 09/09/2026 9:39 AM

BAB 1 : PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Jumlah perjawatan yang diluluskan di JAS WPKL adalah sebanyak 76 perjawatan. Sehingga 31 Disember 2025, pengisian perjawatan JAS WPKL adalah seramai 73 orang daripada 76 orang dengan tiga (3) kekosongan yang belum diisi seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1.1.**

Jadual 1.1: *Perjawatan Di JAS WPKL Sehingga 31 Disember 2025*



Pecahan pengisian dan perjawatan menunjukkan 59 orang adalah daripada Kumpulan Teknikal dan 17 orang adalah daripada Kumpulan Gunasama seperti dalam **Jadual 1.2.** Bilangan perjawatan semasa untuk JAS WPKL adalah terdiri daripada Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Pembangunan dan Bahagian Operasi. Carta Organisasi adalah seperti dalam **Rajah 1.1.**

Jadual 1.2: *Perjawatan Di JAS WPKL Mengikut Kumpulan*



Pecahan pegawai mengikut jantina pula adalah seramai 41 orang pegawai lelaki dan 32 orang pegawai perempuan yang berkhidmat di JAS WPKL. Semua 73 orang pegawai (100%) telah menghadiri kursus sekurang-kurangnya lima (5) hari sepanjang tahun 2025.

inlay JAS KL-D2.indd 3

CARTA ORGANISASI JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



Rajah 1.1: *Carta Organisasi JAS WPKL*

09/09/2026 9:39 AM

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Bagi pencapaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada tahun 2025, seramai lima (5) orang pegawai telah menerima pengiktirafan, dengan pecahan seperti dalam **Jadual 1.3. Gambarfoto 1.1** menunjukkan pegawai yang menjadi Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) di JAS WPKL bagi tahun penilaian 2024.

Jadual 1.3: *Bilangan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Mengikut Bahagian Di JAS WPKL*

Pentadbiran dan Kewangan	Pembangunan	Operasi
2	2	1



Gambarfoto 1.1: *Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun Penilaian 2024*

PENGURUSAN KEWANGAN

Peruntukan Kewangan

Pada tahun 2025, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah diperuntukkan sebanyak **RM5,790,454.10** untuk Belanja Mengurus dan sebanyak **RM56,390.04** bagi Vot Pembangunan seperti **Jadual 1.4** dan **Jadual 1.5** yang berikut;

Jadual 1.4: *Peruntukan Kewangan Di Bawah Belanja Mengurus*

Objek Am	Perihal Objek Am	Peruntukan Diluluskan (RM)
10000	Emolumen	4,687,350.00
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	1,054,164.10
30000	Aset	33,940.00
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	15,000.00

Jadual 1.5: *Peruntukan Kewangan Di Bawah Belanja Pembangunan*

Bil	Program	Jumlah Peruntukan (RM)
1.	Penyelenggaraan Pengoperasian Jabatan	20,000.00
2.	Pembangunan Program Pencegahan dan Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut Serta Kawasan Lain Berisiko Kebakaran Untuk Mengatasi Jerebu	20,000.00
3.	Pemerkasaan dan Pembudayaan Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar	12,000.00
4.	Memperkasakan Analitis Data Geospatial dalam Pengurusan Alam Sekitar	4,390.00

Terimaan Hasil

Kutipan hasil yang diterima bagi tahun 2025 adalah sebanyak **RM219,514.83** dengan pecahan terimaan hasil 2025 adalah seperti dalam **Jadual 1.6.**

Jadual 1.6: *Kutipan Hasil Tahun 2025*

Kod	Aktiviti	Jumlah Kutipan (RM)
B0111101	Bayaran Balik Gaji	81.50
B0221104	Elaun Perjalanan	300.00
H171408	Proses Lesen	2,000.00
H0176199	Bayaran Kompaun	203,450.00
H181101	Terimaan Balik Tahun Lepas	4,774.83
H0273301	Jualan Balik Aset	8,853.50
H176106	Denda Pegawai Awam	55.00
JUMLAH		219,514.83



PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Unit Teknologi Maklumat (Information and Communication Technologies, ICT) di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) berfungsi untuk menyokong dan menguruskan semua aspek berkaitan teknologi maklumat dalam Jabatan. Beberapa fungsi utama unit ini termasuk:

1. **Pengurusan Sistem Maklumat**: Membantu dalam pembangunan, penyelenggaraan dan sokongan sistem maklumat yang digunakan oleh Jabatan untuk pemantauan alam sekitar, pengurusan data dan pelaporan.
2. **Penyediaan Infrastruktur *ICT***: Menguruskan infrastruktur teknologi seperti rangkaian, perkakasan komputer dan perisian yang digunakan dalam Jabatan.
3. **Keselamatan dan Perlindungan Data**: Memastikan perlindungan data dan keselamatan sistem *ICT* yang digunakan, mengelakkan ancaman seperti virus, serangan siber dan kebocoran data.
4. **Sokongan Pengguna**: Memberikan sokongan teknikal kepada pegawai-pegawai Jabatan dalam penggunaan sistem dan teknologi yang ada.

Senarai Aset *ICT* di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL)

Senarai aset *ICT* di JAS WPKL merangkumi perkakasan, perisian dan sistem yang digunakan dalam operasi Jabatan seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1.7.**

Jadual 1.7: *Perkakasan, Perisian, Peralatan Rangkaian Dan Sistem Atas Talian Yang Digunakan Dalam Operasi JAS WPKL*

Perkakasan Komputer	Perisian	Peralatan Rangkaian	Sistem Atas Talian
Komputer meja dan laptop	Perisian keselamatan dan antivirus	Rangkaian komputer untuk komunikasi dalam Jabatan	**E-KAS**: Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar
Pelayan (servers)		Sistem komunikasi seperti *e-mail*, *video conference* dan *intranet*	**E-SWIS**: Sistem Maklumat Sisa Terjadual Elektronik
Sistem storan data (storage systems)			**MySPEIA**: Sistem Pemantauan *Environmental Impact Assessment* (EIA)
Alat rangkaian (network devices seperti router, switch, dan firewall)			**ESDR**: Sistem Aplikasi *Environmental Spatial Data Repository* (ESDR) & *Environmental Screening* (Input Pembangunan)
			MyPremis: Data dan maklumat berkaitan punca-punca pencemaran

Aduan Kerosakan *ICT*

Sepanjang tahun 2025, sebanyak 35 aduan kerosakan aset *ICT* telah diterima daripada pegawai di JAS WPKL dan semua aduan dapat diselesaikan di bawah tempoh masa lapan (8) jam. Perincian aduan kerosakan adalah seperti dalam **Jadual 1.8**.

Jadual 1.8: *Aduan Kerosakan ICT*

Kategori Aduan Kerosakan	Bilangan Aduan
Perkakasan	18
Perisian	5
Sistem / Aplikasi	7
Lain-Lain	5
JUMLAH	35

BAB

2

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

inlay JAS KL-D2.indd 7 09/09/2026 9:39 AM

BAB 2 : BAHAGIAN PEMBANGUNAN

PENILAIAN INPUT PEMBANGUNAN

Penilaian input pembangunan merupakan elemen penting sebagai alat perancangan bagi memastikan cadangan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) yang dirujuk adalah selaras dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 atau Akta 127 serta mengikut rancangan pemajuan atau rancangan fizikal yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Penilaian awal ini juga sangat penting bagi memastikan pembangunan yang dirancang dilaksanakan secara lestari dan terkawal.

DBKL telah melancarkan versi terkini sistem *OSC 3.0 Plus Online* pada 28 Ogos 2025. Sistem ini telah digunakan sepenuhnya mulai 1 Januari 2025 bagi permohonan Kebenaran Perancangan untuk projek berskala sederhana dan besar. Langkah ini menandakan peralihan menyeluruh daripada kaedah manual kepada platform digital bersepadu yang lebih telus, responsif dan efisien, sejajar dengan aspirasi transformasi perkhidmatan awam. JAS WPKL telah terlibat secara langsung sebagai Agensi Teknikal Sahabat (ATS) dalam memberi maklumat bagi penambahbaikan sistem *OSC 3.0 Plus Online* dari masa ke semasa sebelum dan selepas peluncuran sistem ini oleh pihak DBKL.

Pada tahun 2025, sebanyak 115 permohonan input pembangunan diterima oleh JAS WPKL daripada pelbagai agensi termasuk pihak swasta, pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan. Daripada 115 permohonan yang diterima, sebanyak 92 daripadanya adalah cadangan pembangunan kediaman, satu (1) permohonan daripada sektor operasi Premis Yang Ditetapkan (PYDT), empat (4) permohonan daripada operasi premis yang bukan ditetapkan (PYBDT), 16 permohonan daripada pembangunan projek kerajaan dan dua (2) permohonan pembinaan loji pembancuh konkrit (Concrete Batching Plant, CBP) sementara. **Rajah 2.1** menunjukkan statistik bilangan permohonan input pembangunan yang diterima dari tahun 2023 hingga 2025.



Rajah 2.1: *Statistik Bilangan Permohonan Input Pembangunan*



Dalam memproses permohonan input pembangunan, beberapa rujukan utama akan digunakan seperti **Rajah 2.2** berikut:



Rajah 2.2: *Rujukan Utama Dalam Memproses Permohonan Input Pembangunan*

Selain itu juga, pelaksanaan pemeriksaan di lapangan turut dilaksanakan secara fizikal termasuk penggunaan teknologi dron untuk mengumpul data visual daripada udara dan mengenal pasti guna tanah semasa keseluruhan kawasan pembangunan.

PENILAIAN LAPORAN *EIA*

Bagi permohonan input pembangunan yang diklasifikasikan sebagai aktiviti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015, mana-mana orang yang berhasrat untuk melaksanakan aktiviti tersebut hendaklah melantik orang yang layak untuk menjalankan penilaian kesan kepada alam sekeliling dan untuk mengemukakan laporan mengenainya kepada Ketua Pengarah sepertimana di bawah seksyen 34A(2), AKAS 1974.

Pada tahun 2025, JAS WPKL telah memproses 25 laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Environmental Impact Assessment, EIA) dalam tempoh piagam yang ditetapkan. Daripada 25 permohonan tersebut, 22 laporan *EIA* diluluskan manakala tiga (3) tidak diluluskan. **Rajah 2.3** menunjukkan statistik penilaian laporan *EIA* daripada tahun 2020 sehingga 2025 yang diterima dan diproses oleh JAS WPKL.



Rajah 2.3: *Statistik Penilaian Laporan EIA Tahun 2020 Sehingga 2025*

Salah satu laporan *EIA* yang diluluskan oleh JAS WPKL pada tahun 2025 adalah "Cadangan Tambahan Membina Bangunan Sokongan Rawatan Enap Cemar Di Atas Sebahagian Lot 3938, Jalan Chan Chin Mooi, Setapak 53300 Kuala Lumpur" Untuk Tetuan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK).

Cadangan projek melibatkan pengitegrasian sebuah fasiliti rawatan dan pengeringan enap cemar yang menghasilkan enam (6) tan baja organik sehari sebagai fasiliti sokongan tetap untuk merawat enap cemar di loji rawatan kumbahan serantau (Regional Sewage Treatment Plant, RSTP) Titiwangsa 2.

Cadangan projek adalah berpandukan kepada *Green Technology Master Plan* (GTMP) 2017-2030 di mana kerajaan memberi sasaran untuk memaksimumkan potensi enap cemar kumbahan untuk digunakan semula dan dikitar semula dengan meningkatkan kadar kitar semula enap cemar kepada 100% dan menyasarkan pelupusan sisa enap cemar ke tapak pelupusan menjelang 2030.

Projek perintis yang berada di dalam *RSTP* Titiwangsa 2 dengan keluasan tapak 0.9 ekar ini adalah yang pertama kali dilaksanakan di dalam kawasan loji rawatan kumbahan IWK. Cadangan projek telah diberi peringatan supaya mematuhi sepenuhnya keperluan AKAS 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya terutamanya yang melibatkan pelepasan parameter beban pencemar dari proses pengeringan ke udara. Cadangan mitigasi yang bersesuaian bagi menangani impak terhadap air, udara, bunyi bising, getaran dan lain-lain perlu disediakan oleh penggerak projek sepertimana laporan *EIA* yang telah diluluskan. JAS WPKL sentiasa komited bagi memastikan pelaksanaan projek adalah selaras dengan Syarat-Syarat Kelulusan Laporan *EIA* bagi cadangan projek. Pendekatan ini dalam usaha mencapai Matlamat Pembangunan Mampan yang ke-12 iaitu kebertanggungjawaban dalam penggunaan dan pengeluaran.

GEOGRAPHICAL INFORMATION SYSTEM (GIS) DAN DRON

Portal *GIS* Jabatan Alam Sekitar (JAS) merupakan satu aplikasi geospatial yang dibangunkan untuk menyokong tugas pegawai dan kakitangan JAS di seluruh Malaysia. Melalui portal ini, pelbagai data spatial seperti lokasi premis industri, kawasan sensitif alam sekitar, sumber pencemaran, dan maklumat pemantauan dapat diakses secara bersepadu.

Penggunaan portal *GIS* melalui aplikasi *MyGeoSpAS* memberi banyak kelebihan, antaranya membantu pegawai termasuk di JAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dengan lebih mudah, cepat dan berkesan.

Maklumat yang dipaparkan secara visual membolehkan pegawai membuat keputusan yang lebih tepat, merancang operasi dengan lebih sistematik, serta meningkatkan kecekapan dalam pemantauan dan tindakan terhadap isu pencemaran.

Aplikasi ini telah digunakan secara meluas oleh pegawai JAS dan terbukti banyak membantu dalam proses permohonan input pembangunan, penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA), penyiasatan aduan, penguatkuasaan dan pemantauan premis serta pengawasan alam sekitar.

Selaras dengan aspirasi negara ke arah pendigitalan, JAS WPKL telah mengambil langkah untuk meningkatkan kemahiran pegawai dalam penggunaan aplikasi *MyGeoSpAS* melalui pelaksanaan sesi latihan secara *hands-on* dengan kerjasama Seksyen Geospatial JAS Ibu Pejabat. Sesi ini telah diadakan pada 15 hingga 16 Julai 2025 bertempat di Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS). Latihan ini memberi pendedahan secara praktikal kepada pegawai dalam mengendalikan sistem *MyGeoSpAS*, termasuk pengurusan data spatial, analisis, serta penyediaan paparan maklumat secara interaktif. **Gambarfoto 2.1** menunjukkan sesi *hands-on* aplikasi *MyGeoSpAS*.

Hasil daripada latihan tersebut, JAS WPKL telah berjaya menghasilkan dua (2) *storymap* dan dua (2) *dashboard* dengan mengguna pakai sistem *MyGeoSpAS*. Pembangunan *storymap* membolehkan penyampaian maklumat berkaitan alam sekitar dibuat secara lebih interaktif dan mudah difahami, manakala *dashboard* pula membantu dalam pemantauan data secara masa nyata (real-time) serta menyokong proses membuat keputusan dengan lebih cepat dan tepat.

Inisiatif ini membuktikan komitmen JAS WPKL dalam memperkukuh keupayaan digital serta meningkatkan kecekapan pelaksanaan tugas penguatkuasaan dan pemantauan alam sekitar melalui penggunaan teknologi geospatial yang terkini.



Gambarfoto 2.1: *Latihan Hands-On Aplikasi MyGeoSpAS*

Selain itu, penggunaan teknologi dron turut memperkukuhkan aplikasi geospatial ini. Dron membolehkan pengumpulan data lapangan dilakukan dengan lebih pantas dan tepat, terutamanya di kawasan yang sukar diakses. Ia sangat membantu dalam kerja-kerja pemantauan dan pengawasan alam sekitar seperti mengesan aktiviti pencemaran, perubahan guna tanah, serta pemantauan kawasan sensitif.

Pada tahun 2025, sebanyak 53 penerbangan dron telah dijalankan bagi kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan. Selain itu, dua (2) siri latihan yang melibatkan kerjasama JAS WPKL dengan DJI Mavic 2 Pro Enterprise (DJI) dan JAS Ibu Pejabat telah dilaksanakan. **Gambarfoto 2.2** menunjukkan sesi taklimat dan latihan dron daripada wakil DJI Mavix 2 Pro Enterprise.

Secara keseluruhannya, integrasi portal *GIS* dan teknologi dron menjadikan pengurusan alam sekitar lebih moden, efisien dan responsif selaras dengan keperluan semasa.



Gambarfoto 2.2: *Sesi Taklimat Dan Latihan Dron Daripada Wakil DJI*



PEMBERITAHUAN BERTULIS DAN PERISYTIHARAN BERTULIS ALAT PEMBAKARAN BAHANAPI (APB) DAN SISTEM KAWALAN PENCEMARAN UDARA (SKPU)

Berdasarkan Peraturan 5(2), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014, telah ditetapkan supaya pemberitahuan bertulis hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah tidak kurang daripada 30 hari sebelum kerja-kerja pemasangan alat pembakaran bahanapi (APB) atau sistem kawalan pencemaran udara (SKPU) di mana-mana premis yang digunakan bagi apa-apa maksud perindustrian atau perniagaan. Manakala Peraturan 7(5), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 pula menetapkan supaya perisytiharan bertulis hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah dalam tempoh 30 hari selepas permulaan kerja-kerja pengoperasian APB atau SKPU di premis.

Pada tahun 2025, sebanyak masing-masing 185 APB dan 11 SKPU bagi permohonan pemberitahuan bertulis dan permohonan perisytiharan bertulis telah diterima oleh JAS WPKL.

PENGUATKUASAAN PROJEK-PROJEK YANG TERTAKLUK DI BAWAH PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (AKTIVITI YANG DITETAPKAN) (PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING) 2015

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 merupakan perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 atau Akta 127. Perintah ini memperuntukkan bahawa mana-mana aktiviti atau projek yang dikategorikan sebagai Aktiviti Yang Ditetapkan (AYDT) hendaklah menjalankan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Environmental Impact Assessment, EIA) dan memperoleh kelulusan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling sebelum projek dilaksanakan.

Tujuan utama pelaksanaan *EIA* adalah untuk mengenal pasti, menilai dan mengurangkan impak negatif sesuatu cadangan projek terhadap komponen fizikal, biologi dan sosial alam sekitar. Sehubungan itu, penguatkuasaan projek-projek yang tertakluk di bawah Perintah ini merangkumi aktiviti pemantauan, pemeriksaan tapak, audit pematuhan, semakan laporan pemantauan, penilaian Pelan Pengurusan Alam Sekitar (Environmental Management Plan, EMP) serta pelaksanaan tindakan perundangan sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap syarat kelulusan.

Penguatkuasaan *EIA* adalah salah satu aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) terhadap projek-projek pembangunan yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015. Pelaksanaan penguatkuasaan ini juga bertujuan memastikan semua aktiviti yang tersenarai di bawah Perintah ini yang telah diluluskan mematuhi seksyen 34A(7) AKAS 1974 yang merangkumi syarat-syarat kelulusan yang telah ditetapkan dalam laporan *EIA* dan juga seterusnya dapat mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar. Penguatkuasaan ini adalah melibatkan aktiviti *EIA* yang akan melalui tiga peringkat pelaksanaan iaitu fasa pembukaan (pembersihan kawasan), kerja-kerja tanah dan fasa pembinaan. Tiada sebarang aktiviti dibenarkan dilaksanakan di tapak projek tanpa sebarang kelulusan laporan *EIA*, *EMP* dan *Land Disturbing*, *Pollution Prevention and Mitigation Measures* (LD-P2M2). Pada tahun 2025, sebanyak 23 projek *EIA* yang dipantau oleh JAS WPKL. Senarai projek tersebut adalah seperti di **Jadual 2.1.**

Jadual 2.1: *Senarai Projek EIA Yang Dipantau JAS WPKL, 2025*

Bil.	Nama Projek	Penggerak Projek
1.	*EIA for Temporary Sewage Treatment Plant* (TSTP) for Cadangan Pembangunan Bercampur Perdagangan dan Kediaman) di Atas Lot PT 26934, Taman Wahyu, Mukim Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	Lake City KL North Sdn. Bhd.
2.	Cadangan Pembangunan Kediaman di Atas Lot 4249, Jalan Kolam Air, Mukim Setapak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	Skyria Development Sdn. Bhd.
3.	Cadangan Pembinaan Kediaman di Plot 1 (Berkeluasan 1.246 Hektar) di Atas Sebahagian Lot 482085 (Yang Dahulunya Dikenali PT 50038), Persiaran Desa Aman 1, Mukim Kuala Lumpur, Daerah Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	Skyaman Development Sdn. Bhd.

Bil.	Nama Projek	Penggerak Projek
4.	Cadangan Taman Teknologi Malaysia (TPM) di Bukit Jalil, Kuala Lumpur:- Cadangan Pembangunan Projek Pusat Pengkalan Data Untuk Tetuan Amazon Data Services Malaysia Sdn. Bhd.	MRANTI Corporation Sdn. Bhd. (Amazon/Sunway)
5.	Cadangan Membina 2 Buah Banglo 3 Tingkat Dengan 1 Tingkat Aras Bawah Tanah di Atas Lot 80682 dan Lot 80683, Jalan Merchu Bukit Tunku, Mukim Batu, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.	Dato' Yap Chuan Thai
6.	Pembangunan Bercampur di Atas Lot 48572 - 48589, Bandar Manjalara.	Perdana Parkcity
7.	*Environmental Management Plan* (EMP) for The "Cadangan Pembangunan Pusat Data (Data Centre) di Atas Lot PT 13812 dan PT 13807, Jalan Inovasi 3 dan Jalan Inovasi 7, Technology Park Malaysia, Mukim Petaling, Wilayah Persekutuan".	MRANTI Corporation Sdn. Bhd. (BDC/Huashi)
8.	Cadangan Pembangunan Bercampur Lot PT 3638, PT 3639, PT 8653 - PT 8655 dan PT 8677 Mukim Setapak, Kuala Lumpur.	Sunway Melawati Sdn. Bhd. A.K.A. Sime Darby Property (KL East) Sdn. Bhd.
9.	Cadangan Menaiktaraf *STP* KLR201 Sedia Ada daripada 15159PE kepada 29053PE Bagi Cadangan Pembangunan Bercampur Atas Lot 55729 & PT 50329 di Jalan 13/2A, Taman Wilayah Selayang, Mukim Batu, Kuala Lumpur.	Cheras Hong Soon Land Sdn. Bhd. & Myvilla Development Sdn. Bhd.
10.	Cadangan Penswastaan Sambungan Lebuhraya Baru Pantai (NPE 2).	New Pantai Expressway Sdn. Bhd.
11.	*EIA* Cadangan Membina Sebuah Loji Rawatan Kumbahan 2Tingkat Beserta 1Tingkat Aras Bawah Tanah, 3Tingkat Aras Besmen, Beserta Satu Unit Pencawang Elektrik dan Satu Unit Pondok Pengawal.	Greenearth Landmark Sdn. Bhd.
12.	Cadangan Menaiktaraf *STP* KLR331 Sedia Ada daripada 20,000PE kepada 40,000PE dengan Membina Modul 2 di Kiara Bay Mukim Batu Daerah Kuala Lumpur, WPKL.	Mega Legacy (M) Sdn. Bhd.
13.	Cadangan Pembangunan Villa 52 Unit dan Kemudahan Berkaitan.	Arabayu Sepakat Sdn. Bhd.
14.	*Environmental Impact Assessment* (EIA) *for The Proposed Residential and Commercial Redevelopment on DBKL's on Lot 1602, 2969 and 2970 in* Kampung Kerinchi *and* Pantai Dalam, Kuala Lumpur.	Amona Development Sdn. Bhd.
15.	*Environmental Impact Assessment* (EIA) *for The Proposed Mixed Use Development on Lots PT 26 and PT 31*, Jalan Bangsar, Mukim Bandar Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	Setia Federal Hill Sdn. Bhd.
16.	Cadangan Taman Teknologi Malaysia (TPM) di Bukit Jalil, Kuala Lumpur:- Cadangan Menyediakan Tapak Platform Bagi Pencawang Masuk Utama (PMU) di PT 13788 dan PT 13789, Off Lebuhraya Bukit Jalil, Bukit Jalil Mukim Petaling, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	MRANTI Corporation Sdn. Bhd. (Pulau Sebang/Wan Hussein)
17.	Mass Rapid Transit Laluan 3: Laluan Lingkaran.	Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.
18.	Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Environmental Impact Assessment, EIA) Bagi Cadangan Pembangunan Bercampur di Atas Lot 212 - 217, 223 - 227, 417 - 420, PT 1074 & Sebahagian Tanah Kerajaan, Seksyen 57, Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur.	Malola Garden City Sdn. Bhd.
19.	*Preliminary Environmental Impact Assessment* (PEIA) *for Project* Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Serantau Batu, Jinjang, Kepong, Kuala Lumpur.	Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP)
20.	*Preliminary Environmental Impact Assessment for Development of* Taman Persekutuan Bukit Kiara, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	Jabatan Landskap Negara
21.	*The Proposed Residential and Commercial Development on* Lot 25413, Mukim Setapak *and* Lot 3538, Mukim Ulu Kelang, Kuala Lumpur.	Nova Persona Sdn. Bhd.
22.	*EIA for The Proposed Mixed Development of* Bandar Malaysia.	Bandar Malaysia Sdn. Bhd.
23.	Cadangan Pembangunan Sebuah Stesen Pemindahan Sisa Pepejal 2 Tingkat Serta Kemudahan Utiliti di Atas Sebahagian Lot PT 27065 Mukim Batu, Jalan Lingkaran Tengah II, Taman Beringin, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)

Sepanjang tahun 2025, sebanyak 133 penguatkuasaan telah dijalankan terhadap 23 projek *EIA* tersebut yang melibatkan projek pada peringkat pembinaan dan juga yang telah beroperasi. Berdasarkan kepada penguatkuasaan tersebut, sebanyak 46 *field citation* dan 13 notis arahan telah dikeluarkan.

Statistik penguatkuasaan menunjukkan tren peningkatan bilangan projek *EIA* yang dipantau secara keseluruhan. Pada tahun 2017, sebanyak 10 projek telah dipantau dan jumlah tersebut meningkat kepada 23 projek pada tahun 2025 seperti ditunjukkan di **Rajah 2.4.**



Rajah 2.4: *Statistik Penguatkuasaan Terhadap Projek-Projek EIA Mengikut Tahun*

Pemeriksaan ke atas Aktiviti Yang Ditetapkan (AYDT) ini telah dilaksanakan dengan melihat beberapa komponen seperti Pelan Pengurusan Alam Sekitar (Environmental Management Plan, EMP) dan *Land Disturbing, Pollution Prevention and Mitigation Measures* (LD-P2M2) yang telah diluluskan. Gambar siasatan adalah seperti di **Gambarfoto 2.3** hingga **Gambarfoto 2.8.**



Gambarfoto 2.3: *Turfing Cerun Di Salah Satu Projek Cerun*



Gambarfoto 2.4: *Kolam Takungan Mendapan Di KLR 277*



Gambarfoto 2.5: *Silt Fence Di Sempadan Kawasan Projek*



Gambarfoto 2.6: *Pemeriksaan Terhadap Silt Fence*



Gambarfoto 2.7: *Pembinaan Earth Drain*



Gambarfoto 2.8: *Takat Pelepasan Akhir Kolam Takungan Mendapan*

PELAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR (ENVIRONMENTAL MANAGEMENT PLAN, EMP)

Pada tahun 2025, Unit Penguatkuasaan *EIA* JAS WPKL telah menerima dan meneliti 10 *EMP* bagi Aktiviti Yang Ditetapkan yang telah mendapat kelulusan laporan *EIA*. Projek-projek tersebut adalah seperti **Jadual 2.2.** *EMP* yang dikemukakan perlu diluluskan mengikut syarat-syarat kelulusan *EIA* sebelum kerja-kerja pembangunan dijalankan. *EMP* ini merupakan satu *guidance document* bagi pelaksanaan semua langkah kawalan mengikut tatacara yang sesuai dengan fasa pembangunan.

Jadual 2.2: *Senarai EMP Yang Diterima, 2025*

Bil	Nama Projek
1.	*Environmental Impact Assessment* (EIA) *for The Proposed Mixed Use Development on Lots PT 26 and PT 31*, Jalan Bangsar, Mukim Bandar Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
2.	Cadangan Pembinaan Kediaman Di Plot 1 (Berkeluasan 1.246 Hektar) di Atas Sebahagian Lot 482085 (Yang Dahulunya Dikenali PT 50038), Persiaran Desa Aman 1, Mukim Kuala Lumpur, Daerah Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Sky Aman 1).
3.	Cadangan Menaiktaraf STP KLR 201 Sedia Ada daripada 15159PE kepada 29053PE Bagi Cadangan Pembangunan Bercampur Atas Lot 55729 & PT 50329 di Jalan 13/2A, Taman Wilayah Selayang, Mukim Batu, WPKL Bagi Tetuan Myvilla Development Sdn. Bhd. & Cheras Hong Soon Land Sdn. Bhd.
4.	*EIA* Cadangan Membina Sebuah Loji Rawatan Kumbahan 2Tingkat Beserta 1Tingkat Aras Bawah Tanah, 3Tingkat Aras Besmen, Beserta Satu Unit Pencawang Elektrik dan Satu Unit Pondok Pengawal.
5.	*Preliminary Environmental Impact Assessment for Development of* Taman Persekutuan Bukit Kiara, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
6.	*EIA for The* Cadangan Menaiktaraf Loji Rawatan Kumbahan di Atas Lot No. 40960, No. Aset KLR261, Alam Damai, Kuala Lumpur Oleh F3 Cheras Development Sdn. Bhd. (F3C).
7.	*Environmental Impact Assessment* (EIA) *for The Proposed Condominium Development of* Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) *on* Lot 2574, Kiaramas, Off Jalan Desa Kiara, Segambut, Mukim Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
8.	Cadangan Pembangunan Villa 52 Unit dan Kemudahan Berkaitan.
9.	*EIA for The The Proposed Development of A 3-Storey Bungalow House on Lots* 55269, 55270, 55271 & 55272, Jalan Seri Beringin 2, Bukit Damansara, Mukim Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
10.	Cadangan Pembangunan Kediaman di Atas Lot 4249, Jalan Kolam Air, Mukim Setapak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

PENYELARASAN DATA DAN PELAN STRATEGIK

Unit Penyelarasan Data dan Pelan Strategik (PDPS) Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar berjalan dengan berkesan.

Fungsi utama Unit PDPS adalah mengumpul, menyediakan serta menyelaras data dan maklumat daripada semua unit di JAS WPKL bagi tujuan penyediaan program kerja tahunan, laporan pencapaian serta laporan tahunan Jabatan. Data yang dikumpul turut dianalisis untuk menyokong pelaksanaan program penguatkuasaan, pengawasan dan kesedaran alam sekitar.

Selain itu, Unit PDPS bertanggungjawab memastikan Pelan Strategik JAS 2021-2030 diselaraskan dengan data yang relevan, agar strategi yang dirancang sesuai dan berkesan. Unit ini juga menyediakan laporan tahunan mengenai status pelaksanaan pelan strategik, termasuk hasil analisis data dan pencapaian pelaksanaan, untuk rujukan pengurusan atasan serta pihak berkepentingan.

Dengan perancangan program tahunan yang sistematik dan menyeluruh, Unit PDPS diharap dapat memastikan penggunaan data yang optimum serta selaras dengan hala tuju strategik Jabatan.

Penyelarasan Data

Pada tahun 2025, Unit PDPS dengan kerjasama Unit Punca tetap JAS WPKL telah meneruskan program pengesahan dan pengemaskinian data punca pencemaran yang telah dimulakan pada tahun 2024 bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (WPP) melalui modul Sistem Inventori Maklumat Pencemaran Alam Sekitar (SIMPAS) di Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (E-KAS).

Sehingga 31 Disember 2025, didapati jumlah punca tetap yang aktif beroperasi di WPKL dan WPP adalah sebanyak 2,867 punca pencemaran. Daripada jumlah tersebut, bilangan punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah seperti yang diperincikan dalam **Jadual 2.3.**

Jadual 2.3: *Bilangan Punca Pencemaran Di WPKL Dan WPP Yang Tertakluk Di Bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974*

Bil.	Perkara	WPKL	WPP	Jumlah
1.	Jumlah Punca Tertakluk di Bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974	2,821	46	**2,867**
2.	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989	5	0	**5**
	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005	2,270	40	**2,310**
	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009	26	4	**30**
	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009	194	2	**196**
	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009	1	0	**1**
	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014	282	6	**288**

Daripada keseluruhan 2,867 punca pencemaran, sebanyak 2,403 punca pencemaran telah lengkap dikemaskini, sebanyak 2,485 koordinat melalui fungsi *geolocator* telah disahkan dan sebanyak 2,448 data sungai serta alur air telah dikemaskini. Perincian aktiviti tersebut adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2.4.**

Jadual 2.4: *Aktiviti Pengesahan Dan Pengemaskinian Punca Pencemaran Tahun 2025*

Bil.	Aktiviti	Jumlah		Peratus Kemaskini (%)
		Bil. Punca	Bil. Punca Dikemaskini	
1.	Bilangan Punca Lengkap Dikemaskini	2,867	2,403	83.82
2.	Bilangan Punca Yang Disahkan Koordinat Melalui Fungsi *Geolocator*	2,867	2,485	86.68
3.	Bilangan Data Sungai / Alur Air Yang Dikemaskini	2,867	2,448	85.39

Pada tahun 2025, aktiviti pengesahan dan pengemaskinian data menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan. Sebanyak 83.82% punca pencemaran telah lengkap dikemaskini, manakala sebanyak 86.68% koordinat lokasi punca pencemaran telah berjaya disahkan melalui fungsi *geolocator*. Selain itu, 85.39% data sungai / alur air turut dikemaskini seperti yang digambarkan dalam **Rajah 2.5.**



Rajah 2.5: *Peratus Bilangan Data Sungai / Alur Air Dikemaskini*

Program pengesahan dan pengemaskinian data punca pencemaran akan diteruskan pada tahun 2026 dengan sasaran mencapai 100% pengemaskinian data punca pencemaran lengkap. Ini sekaligus memastikan modul Sistem Inventori Maklumat Pencemaran Alam Sekitar (SIMPAS) di dalam Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (E-KAS) akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi menyokong pelaksanaan program penguatkuasaan.

Pelan Strategik

Di bawah agenda pelan strategik, Unit PDPS telah melaksanakan beberapa program yang dirangka bagi memastikan pelaksanaan aktiviti adalah selaras dengan Pelan Strategik JAS serta menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals, SDGs). Langkah ini bukan sahaja memastikan keselarasan dengan hala tuju JAS dan *SDGs*, malah turut memperkukuh keberkesanan pengurusan alam sekitar secara menyeluruh.

PROGRAM PENGUKUHAN KUMPULAN JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (JAS WPKL) TAHUN 2025

Pada 7-8 November, Unit PDPS dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan JAS WPKL (KASKUL) telah menganjurkan Program Pengukuhan Kumpulan JAS WPKL Tahun 2025 di pejabat JAS WPKL dan Cherengin Hills Convention & Spa Resort, Bentong, Pahang. Program ini telah melibatkan penyertaan seramai 55 orang pegawai dan kakitangan JAS WPKL.

Penganjuran program ini bertujuan untuk membentangkan prestasi dan pencapaian Jabatan sepanjang tahun 2025 serta merangka hala tuju dan pelan strategik bagi pelaksanaan program tahun 2026. Di samping itu, program ini turut memberi penekanan terhadap pemantapan budaya kerja berpasukan sebagai satu elemen penting dalam pengurusan organisasi yang berkesan.

Budaya kerja berpasukan yang mantap diyakini dapat meningkatkan kecekapan operasi, mempercepatkan proses penyelesaian masalah, serta mewujudkan semangat kekitaan dalam kalangan warga kerja JAS WPKL. Pendekatan ini selaras dengan aspirasi Jabatan untuk memperkukuh integriti, profesionalisme dan komitmen dalam melaksanakan tanggungjawab menjaga kelestarian alam sekitar.

Secara keseluruhannya, program ini telah menjadi platfom yang signifikan dalam memperkemas perancangan strategik Jabatan, memperkukuh semangat kerjasama dan memperteguh komitmen bersama ke arah perkhidmatan yang lebih cemerlang dan lestari. **Gambafoto 2.9** dan **Gambarfoto 2.10** menunjukkan aktiviti program tersebut.



Gambarfoto 2.9: *Program Pengukuhan Kumpulan JAS WPKL*



Gambarfoto 2.10: *Program Pengukuhan Kumpulan JAS WPKL: Latihan Dalam Kumpulan*

PROGRAM SESI PEMBELAJARAN PEGAWAI JAS WPKL: LAWATAN KERJA SAMBIL BELAJAR KE PREMIS *SUSTAINABLE SCHEDULED WASTE TREATMENT CENTRE*, J&T NAZA ALAM MURNI SDN. BHD.

Pada 4 Disember 2025, Unit PDPS telah mengadakan Program Sesi Pembelajaran Pegawai JAS WPKL: Lawatan Kerja Sambil Belajar ke premis *Sustainable Scheduled Waste Treatment Centre*, J&T NAZA Alam Murni Sdn. Bhd. di Bukit Tagar, Selangor. Program ini telah melibatkan penyertaan seramai 22 orang pegawai teknikal JAS WPKL.

Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan pemahaman dan pengetahuan praktikal berkaitan pengurusan buangan terjadual terutamanya berkaitan dengan teknologi bagi pengolahan dan pelupusan buangan terjadual. Antara fasiliti yang dilawati adalah Berjaya EnviroParks Sdn. Bhd. (Municipal Solid Waste Management), AMITA Naza Sdn. Bhd. (Sustainable Resource Management Centre), Berjaya EnviroParks Sdn. Bhd. (Leachate Treatment Plant), Naza Energies Sdn. Bhd. (Renewable Energy Centre) dan J&T Naza Alam Murni Sdn. Bhd. (Sustainable Schedule Waste Treatment Centre).

Diharapkan program sesi pembelajaran ini dapat memberikan nilai tambah yang signifikan kepada para pegawai teknikal JAS WPKL dalam memahami dengan lebih mendalam aspek pengurusan buangan terjadual secara holistik. Pendedahan secara langsung kepada operasi fasiliti seperti pengurusan sisa pepejal, rawatan larut lesap, pengurusan sumber mampan, tenaga boleh baharu serta teknologi rawatan buangan terjadual telah membuka ruang kepada perkongsian ilmu yang lebih praktikal dan relevan dengan keperluan semasa.

Melalui lawatan ini, para pegawai bukan sahaja berpeluang melihat sendiri aplikasi teknologi terkini dalam industri pengurusan buangan, malah dapat memahami cabaran operasi, kepentingan pematuhan perundangan serta amalan terbaik (best practices) yang boleh dijadikan rujukan dalam pelaksanaan tugas harian. Program ini juga telah mengukuhkan hubungan kerjasama antara JAS WPKL dan pihak industri, seterusnya menyokong usaha meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan serta pemantauan alam sekitar. **Gambafoto 2.11** dan **Gambarfoto 2.12** menunjukkan aktiviti program tersebut.



Gambarfoto 2.11: *Program Sesi Pembelajaran Pegawai JAS WPKL: Lawatan Kerja Sambil Belajar*







Gambarfoto 2.12: *Program Sesi Pembelajaran Pegawai JAS WPKL: Lawatan Kerja Sambil Belajar*



inlay JAS KL-D2.indd 22 09/09/2026 9:39 AM



BAB

3

BAHAGIAN OPERASI

BAB 3 : BAHAGIAN OPERASI

PENGUATKUASAAN PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT)

Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) merujuk kepada mana-mana premis selain premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 atau Akta 127, iaitu selain kilang getah asli mentah, kilang minyak kelapa sawit mentah serta kilang atau kemudahan yang menjalankan aktiviti pemerolehan kembali, pengolahan dan pelupusan buangan terjadual.

PYBDT merangkumi pelbagai jenis premis merentas sektor industri dan perkhidmatan termasuk industri pembuatan dan pengilangan, bengkel kenderaan, kemudahan penjagaan kesihatan, tapak pelupusan sisa pepejal dan lain-lain aktiviti berkaitan. Pengoperasian premis-premis ini adalah tertakluk kepada peruntukan Akta 127 serta perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya, termasuk Peraturan-Peraturan, Kaedah-Kaedah dan Perintah-Perintah, tertakluk kepada jenis operasi, proses dan aktiviti yang dijalankan di premis berkenaan.

Berkuat kuasa 7 Julai 2024, AKAS 1974 telah dipinda melalui Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 yang diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada 25 Mac 2024. Pindaan ini bertujuan memantapkan penguatkuasaan bagi mencegah pencemaran dan jenayah alam sekitar, antaranya melalui peningkatan kadar penalti dan kompaun serta pengenaan hukuman yang lebih tegas terhadap pesalah alam sekitar. Antara pindaan utama ialah peningkatan denda minimum dan maksimum, termasuk denda sehingga RM10 juta serta hukuman penjara mandatori sehingga lima (5) tahun.

Bagi aktiviti penguatkuasaan terhadap PYBDT di Kuala Lumpur, pejabat Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) menjalankan penguatkuasaan bagi premis PYBDT di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (WPP).

Berdasarkan inventori pada tahun 2025, sebanyak 2,816 PYBDT direkodkan di WPKL manakala 46 PYBDT direkodkan di WPP yang tertakluk kepada peruntukan Akta 127. Pecahan bilangan PYBDT mengikut 11 kawasan Parlimen di WPKL adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.1**, manakala bagi WPP hanya melibatkan satu (1) kawasan Parlimen.



Rajah 3.1: *Bilangan Premis PYBDT Mengikut Kawasan Parlimen Di WPKL*

Pada tahun 2025, sebanyak 641 pemeriksaan telah dijalankan ke atas PYBDT di WPKL, manakala 49 pemeriksaan telah dijalankan di WPP. Hasil pemeriksaan tersebut, didapati pecahan tahap pematuhan premis mengikut peraturan-peraturan yang tertakluk adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.2** bagi premis di WPKL dan **Rajah 3.3** bagi premis di WPP.

Selaras dengan pembahagian zon penguatkuasaan dan bilangan PYBDT yang direkodkan di WPKL dan WPP, aktiviti pemeriksaan berkala telah dilaksanakan bagi memastikan tahap pematuhan premis terhadap peruntukan AKAS 1974 serta perundangan subsidiari di bawahnya.

Pemeriksaan dan tindakan penguatkuasaan yang dijalankan berasaskan kepada keperluan pematuhan perundangan yang ditetapkan mengikut jenis operasi atau aktiviti di setiap premis berdasarkan kepada peruntukan Peraturan-Peraturan di bawah AKAS 1974 seperti berikut:



Bilangan Pemeriksaan Dan Pematuhan Kepada AKAS 1974 Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Berdasarkan **Rajah 3.2**, pada tahun 2025 daripada 641 pemeriksaan premis yang telah dijalankan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), pematuhan adalah seperti berikut:

1. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005: daripada 541 premis yang diperiksa, terdapat 97 premis tidak patuh.
2. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009: daripada 38 premis yang diperiksa, sembilan (9) premis tidak patuh.
3. Hanya terdapat satu (1) premis yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009 iaitu Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sementara (MKSB) dan premis tersebut adalah patuh.
4. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014: daripada 72 premis yang diperiksa, tujuh (7) premis tidak patuh.



Rajah 3.2: *Pematuhan PYBDT Di WPKL Mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling*

Kesimpulannya, secara keseluruhan tahap pematuhan premis terhadap peraturan yang diperiksa menunjukkan majoriti premis berada dalam kategori patuh, namun terdapat beberapa premis yang masih memerlukan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan susulan.

Bilangan Pemeriksaan Dan Pematuhan Kepada AKAS 1974 Di Wilayah Persekutuan Putrajaya

Berdasarkan **Rajah 3.3**, pada tahun 2025 daripada 49 pemeriksaan premis yang telah dijalankan di Wilayah Persekutuan Putrajaya (WPP), pematuhan adalah seperti berikut:

1. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005: daripada 49 premis yang diperiksa, terdapat enam (6) premis tidak patuh.
2. Semua premis yang diperiksa di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 adalah patuh sepanjang tahun 2025.
3. Tiada premis di WPP yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009, sekali gus mengurangkan risiko pencemaran daripada aktiviti berkaitan sisa pepejal di kawasan tersebut.



Rajah 3.3: *Pematuhan PYBDT Di WPP Mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling*

Gambarfoto 3.1 hingga **Gambarfoto 3.6** berikut memperlihatkan aktiviti penguatkuasaan yang telah dilaksanakan ke atas premis PYBDT di WPKL dan WPP sepanjang tahun 2025.



Gambarfoto 3.1: *Pemeriksaan Pematuhan Premis Kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009*



Gambarfoto 3.2: *Pemeriksaan Pematuhan Premis Kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014*



Gambarfoto 3.3: *Pemeriksaan Dan Persampelan Buangan Terjadual Bagi Premis Yang Gagal Patuh Di Bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005*



Gambarfoto 3.4: *Pemeriksaan Penstoran Buangan Terjadual Di Bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005*



Gambarfoto 3.5: *Pemeriksaan Aduan Habuk Yang Berpunca Daripada Batching Plant*



Gambarfoto 3.6: *Pemeriksaan Alat Kawalan Pencemaran Udara*

Operasi Gempur JAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Selaras dengan ketetapan JAS Ibu Pejabat, pelaksanaan Operasi Gempur (Ops Gempur) JAS WPKL diteruskan dengan 12 siri operasi telah dijalankan sepanjang tahun 2025. Sebanyak 150 buah premis telah diperiksa dan pematuhan keseluruhan adalah 80%. Sebanyak 121 *field citation*, 27 notis arahan, 10 kompaun, satu (1) penahanan operasi kelengkapan (POK) dan tiga (3) tindakan mahkamah telah dikenakan terhadap ketidakpatuhan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya seperti ditunjukkan di **Rajah 3.4.** Manakala **Gambarfoto 3.7** menunjukkan pelaksanaan Ops Gempur JAS WPKL.



Rajah 3.4: *Tindakan Penguatkuasaan Ops Gempur JAS WPKL, 2025*



Gambarfoto 3.7: *Ops Gempur JAS WPKL, 2025*

KERJASAMA DI ANTARA AGENSI DAN JAS NEGERI

Operasi Gempur Bersepadu Zon Tengah

Sepanjang tahun 2025, sebanyak tiga (3) siri Operasi Gempur (Ops Gempur) Bersepadu bagi Zon Tengah telah dijalankan secara bergilir-gilir di antara Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL), JAS Negeri Selangor dan JAS Negeri Sembilan. JAS WPKL bertindak sebagai penyelaras bagi suku tahun kedua (Q2). Operasi ini telah dilaksanakan pada 24 Jun 2025 dengan kekuatan 17 orang pegawai dan anggota JAS. Sebanyak 12 premis disasarkan untuk diperiksa.

Pemilihan premis adalah berdasarkan kepada premis yang berpotensi menyumbang kepada punca pencemaran Sungai Air Busuk kerana sungai ini merupakan antara anak sungai utama yang memberi kesan kepada bacaan Indeks Kualiti Air (Water Quality Index, WQI) di Sungai Gombak. Sungai Gombak merupakan salah satu nadi sungai utama bagi Bandaraya Kuala Lumpur.

Hasil operasi tersebut didapati premis-premis yang diperiksa menjalankan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan kenderaan di mana aktiviti basuhan dari premis yang dialirkan ke dalam longkang awam seterusnya memasuki alur air berhampiran menjadi punca pencemaran kepada Sungai Air Busuk. Premis-premis seumpama ini walaupun tidak tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974, wajar dikawal melalui kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan khususnya dari aspek pengurusan dan pelepasan air buangan supaya tidak terus menyumbang kepada pencemaran sungai-sungai di Kuala Lumpur.

Pemeriksaan ke atas lapan (8) premis mendapati pengurusan buangan terjadual bagi kod SW305 iaitu minyak terpelincir terpakai dan kod SW410 iaitu kain buruk atau turas yang dicemari buangan terjadual tidak direkodkan dalam *Electronic Scheduled Waste Information System* (E-SWIS). Selain itu, pemeriksaan di sebuah premis didapati pengurusan emulsi minyak mineral-air terpakai bagi kod SW307 tidak dinotifikasikan melalui sistem tersebut.

Sebanyak enam (6) notis arahan di bawah seksyen 31, AKAS 1974 telah dikeluarkan kepada enam (6) premis, manakala tiga (3) kompaun dikenakan atas pelbagai kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. **Gambarfoto 3.8** hingga **Gambarfoto 3.12** memperlihatkan aktiviti pemeriksaan sepanjang Ops Gempur Bersepadu Zon Tengah dijalankan.



Gambarfoto 3.8: *Ops Gempur Bersepadu Bagi Zon Tengah Suku Tahun Kedua (Q2) Pada 24 Jun 2025*



Gambarfoto 3.9: *Ops Gempur Bersepadu Di Premis Loji Rawatan Kumbahan*



Gambarfoto 3.10: *Pegawai Menjalankan Pemeriksaan In Situ Efluen Yang Dilepaskan Daripada Premis*



Gambarfoto 3.11: *Persampelan Rasmi Efluen Perindustrian*



Gambarfoto 3.12: *Taklimat Sebelum Operasi*

Operasi Tindakan Bersepadu Banteras Pembuangan Sampah Haram di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur

Pada 27 Januari 2025, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah dijemput oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk bersama-sama pegawai DBKL dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) bagi melaksanakan satu operasi bersepadu iaitu Operasi Tindakan Bersepadu (Ops Bersepadu) Banteras Pembuangan Sampah Haram. Ops Bersepadu tersebut telah dijalankan di kawasan Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur, merupakan usaha penguatkuasaan pelbagai agensi untuk membanteras aktiviti pembuangan sampah haram di kawasan perindustrian dan komersial serta memastikan tahap kebersihan dan pematuhan premis sentiasa berada di tahap optimum.

Sebanyak tiga (3) premis telah ditetapkan oleh pihak DBKL untuk diperiksa dan kesemua premis tersebut merupakan pusat-pusat pengumpulan barang lusuh seperti besi buruk, barangan plastik dan kertas. Daripada tiga (3) premis yang diserbu, satu (1) premis didapati menjalankan aktiviti peleraian buangan elektrikal dan elektronik kod SW110 (e-waste) tanpa lesen dan kelulusan JAS. Pegawai JAS telah mengenakan tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) ke atas mesin peleraian *e-waste* yang terdapat di premis. Pihak DBKL dan SWCorp turut mengambil tindakan ke atas premis-premis tersebut di bawah bidang kuasa masing-masing.

Selain itu, notis arahan telah dikeluarkan di bawah seksyen 31, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan satu (1) kertas siasatan telah dibuka kerana menjalankan aktiviti peleraian *e-waste* tanpa lesen dan kelulusan JAS. Pihak premis telah didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, disabitkan kesalahan di bawah seksyen 18(1), AKAS 1974 dan didenda RM25,000.00.

Sehubungan itu, mana-mana premis atau individu yang berhasrat untuk menjalankan aktiviti pusat pengumpulan atau peleraian *e-waste* hendaklah mendapatkan kelulusan daripada JAS terlebih dahulu bagi mengelakkan pelanggaran undang-undang. **Gambarfoto 3.13** memperlihatkan aktiviti pemeriksaan sepanjang Ops Bersepadu dijalankan.



Gambarfoto 3.13: *Ops Bersepadu Di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur*

PENGUATKUASAAN PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT) - LOJI PENGOLAHAN KUMBAHAN

Menurut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, kumbahan ditakrifkan sebagai sebarang pelepasan sisa cecair atau air buangan yang mengandungi bahan buangan manusia, haiwan, domestik, zarah terampai, atau bahan terlarut. Ia juga merangkumi cecair yang mengandungi bahan kimia sama ada dalam keadaan mentah, separa terolah atau telah diolah. Sebelum dilepaskan ke mana-mana alur air seperti longkang awam atau sungai, kumbahan perlu dirawat terlebih dahulu di loji pengolahan kumbahan (loji kumbahan) bagi memastikan pelepasan tersebut mematuhi piawaian kualiti yang ditetapkan dalam peraturan berkenaan.

Berdasarkan rekod inventori dalam pangkalan data Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (E-KAS) JAS WPKL, terdapat sebanyak 155 loji kumbahan awam milik Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) dan 33 loji kumbahan milik persendirian yang masih beroperasi direkodkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan Putrajaya (WPP) seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.5.**



Rajah 3.5: *Inventori Loji Kumbahan Awam (IWK) Dan Loji Kumbahan Persendirian Di WPKL dan WPP, 2025*

Selain merujuk kepada inventori dalam sistem E-KAS, strategi penguatkuasaan turut dilaksanakan melalui pemantauan sistem *Online Environmental Reporting* (OER) bagi mengesan ketidakpatuhan pelepasan kumbahan yang direkodkan oleh pemilik / operator loji secara bulanan.

Pada tahun 2025, sejumlah 85 pemeriksaan telah dilaksanakan merangkumi 67 pemeriksaan loji kumbahan awam dan 18 pemeriksaan loji kumbahan persendirian serta 21 persampelan rasmi telah dijalankan seperti ditunjukkan di **Rajah 3.6.** Peratus pematuhan keseluruhan adalah 92% berbanding dengan pemeriksaan loji kumbahan yang dilakukan.



Rajah 3.6: *Jumlah Pemeriksaan Dan Pematuhan Loji Kumbahan Di WPKL Dan WPP, 2025*

Sebahagian pemeriksaan melibatkan premis yang tidak tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009. Ini bertujuan untuk memverifikasi data loji kumbahan persendirian yang diterima daripada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) seterusnya memastikan data inventori semasa dibuat dengan tepat sebagai simpanan dan rekod pemeriksaan Jabatan Alam Sekitar di masa akan datang.

Hasil daripada penguatkuasaan tersebut, pegawai penguat kuasa JAS WPKL telah mengeluarkan 11 notis arahan di bawah seksyen 31 dan 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974, membuka lima (5) kertas siasatan, menawarkan tiga (3) kompaun dan dua (2) kes disyor untuk tindakan mahkamah seperti ditunjukkan di **Rajah 3.7.**



Rajah 3.7: *Tindakan Penguatkuasaan Ke Atas Loji Kumbahan Awam Dan Persendirian Di WPKL dan WPP, 2025*

Gambarfoto 3.14 berikut menunjukkan aktiviti penguatkuasaan yang telah dilaksanakan ke atas loji kumbahan di WPKL dan WPP pada tahun 2025.



Gambarfoto 3.14: *Penguatkuasaan Ke Atas Loji Kumbahan*

Operasi Bersepadu Di Loji Pengolahan Kumbahan

JAS WPKL turut menjalankan operasi gempur secara bersepadu bersama-sama pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) ke atas beberapa loji pengolahan kumbahan persendirian di Kuala Lumpur.

Tujuan operasi ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti loji kumbahan yang disenaraikan di dalam inventori pihak SPAN mematuhi kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 khususnya Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009. Pendekatan ini membolehkan ketidakpatuhan dikenal pasti dengan lebih berfokus menurut bidang kuasa agensi yang terlibat dan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan secara langsung di lapangan.

Secara keseluruhan, komitmen semua pihak sangat penting dalam memastikan pematuhan terhadap perundangan alam sekitar, memperkukuh pemantauan premis yang tertakluk serta meningkatkan keberkesanan kawal selia loji-loji kumbahan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. **Gambarfoto 3.15** menunjukkan Operasi Bersepadu yang dijalankan bersama-sama pihak SPAN.



Gambarfoto 3.15: *Operasi Bersepadu Bersama-Sama SPAN Di Loji Kumbahan Persendirian*

PENGUATKUASAAN PREMIS YANG DITETAPKAN (BUANGAN TERJADUAL) - PYDT BT

Premis Yang Ditetapkan (PYDT) merujuk kepada premis yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989.

Terdapat lima (5) PYDT di bawah seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) yang menjalankan aktiviti Penstoran Luar Tapak Separa buangan elektrikal dan elektronik (e-waste).

Sepanjang tahun 2025, sejumlah 33 pemeriksaan ke atas PYDT telah dijalankan. Hasil pemeriksaan didapati lima (5) daripadanya tidak mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya seperti ditunjukkan di **Rajah 3.8.**



Rajah 3.8: *Pemeriksaan Dan Pematuhan PYDT BT, 2025*

Sebanyak tiga (3) notis arahan telah dikeluarkan, dan satu (1) kes untuk tindakan mahkamah. **Gambarfoto 3.16** berikut menunjukkan pemeriksaan di PYDT BT.



Gambarfoto 3.16: *Penguatkuasaan Ke Atas PYDT BT*

PENGUATKUASAAN PUNCA-PUNCA BERGERAK

Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Daripada Enjin Diesel

Kawalan pelepasan asap hitam kenderaan daripada enjin diesel telah dilaksanakan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 melalui program-program berikut:

- Operasi Statik
- Operasi Catat
- Kawalan Punca Ke Atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator)
- Kawalan Pelepasan Asap di Hentian Bas Awam
- Kawalan Terhadap Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL)

Operasi Statik

Sepanjang tahun 2025, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah menjalankan sebanyak 13 operasi penguatkuasaan secara statik di beberapa lokasi sekitar Kuala Lumpur. **Gambarfoto 3.17** menunjukkan operasi yang telah dijalankan.



Gambarfoto 3.17: *Operasi Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Berenjin Diesel*

Dalam operasi tersebut sejumlah 655 buah kenderaan berenjin diesel telah diperiksa secara visual di mana daripada jumlah itu, 143 buah kenderaan telah diuji dengan menggunakan meter asap. Hasil ujian tersebut, 19 buah kenderaan didapati telah melepaskan asap melebihi 50HSU (Hartridge Smoke Unit) dan dikenakan tindakan kompaun serta-merta di bawah Peraturan 11(1) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996. Selain itu, 28 notis arahan di bawah seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 telah dikeluarkan supaya hadir ujian semula asap di mana-mana Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL). Peratus pematuhan keseluruhan adalah 97.1%. **Rajah 3.9** menunjukkan tindakan penguatkuasaan yang diambil ke atas kenderaan berenjin diesel.



Rajah 3.9: *Tindakan Penguatkuasaan Yang Diambil Ke Atas Kenderaan Berenjin Diesel*

Operasi Catat

Bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan asap hitam ke atas kenderaan berenjin diesel terutamanya di kawasan bandar, Operasi Catat (Ops Catat) menggunakan kamera video juga telah dilaksanakan. Pegawai-pegawai JAS WPKL telah ditugaskan di beberapa lokasi dan laluan strategik serta jalan masuk dan keluar Bandaraya Kuala Lumpur untuk mencatat nombor pendaftaran kenderaan dan merakamkan gambar atau video kenderaan yang disyaki melepaskan asap hitam berlebihan.

Notis arahan di bawah seksyen 48A, AKAS 1974 akan dikeluarkan kepada pemilik kenderaan yang disyaki supaya membawa kenderaan mereka menjalani ujian semula pelepasan asap hitam dalam tempoh 30 hari dari tarikh yang ditetapkan di mana-mana Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL).

Sepanjang tahun 2025, sebanyak 221 Ops Catat telah dijalankan. Hasil operasi tersebut, 12,128 buah kenderaan diesel telah diperhatikan seperti ditunjukkan di **Rajah 3.10** dan daripada jumlah itu didapati tiada kenderaan melepaskan asap hitam berlebihan.





Rajah 3.10: *Bilangan Kenderaan Berenjin Diesel Yang Diperhatikan Sepanjang Ops Catat, 2025*

Kawalan Punca Ke Atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator)

Selaras dengan kehendak Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator, FO) iaitu individu atau syarikat yang memiliki dan mengendalikan 10 unit atau lebih kenderaan motor berenjin diesel dan petrol dikehendaki untuk menjalankan ujian asap hitam dan gas ke atas semua kenderaan motornya secara berkala di samping menjalani ujian asap hitam setiap enam (6) bulan yang diwajibkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Untuk rekod, terdapat 28 *FO* yang beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL). Pada tahun 2025, sejumlah 36 pemeriksaan penguatkuasaan telah dijalankan ke atas *FO* di WPKL. Pemeriksaan yang dijalankan ini lebih tertumpu kepada keperluan penyediaan buku log yang mengandungi nombor pendaftaran kenderaan, tarikh, masa, serta keputusan ujian asap yang telah dijalankan dan juga bertujuan untuk mengawal pencemaran udara di peringkat punca. **Gambarfoto 3.18** adalah pemeriksaan di premis *FO*.



Gambarfoto 3.18: *Pemeriksaan Di Premis Fleet Operator*

Kawalan Terhadap Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL)

Pemilik kenderaan bermotor yang telah diberikan notis arahan di bawah seksyen 48A, AKAS 1974 semasa Operasi Statik ataupun Operasi Catat serta mana-mana kenderaan yang diadu melepaskan asap hitam adalah dikehendaki membawa kenderaan motor mereka untuk menjalani ujian semula pelepasan asap hitam di mana-mana Kemudahan Yang

Diluluskan (KYDL). KYDL adalah suatu tempat yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar yang dilengkapkan dengan meter asap yang perlu dikalibrasi dan dikendalikan oleh kakitangan yang terlatih bagi menjalankan apa-apa ujian asap seperti mana dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996.

PUSPAKOM Wangsa Maju, PUSPAKOM Bukit Maluri, PUSPAKOM Cheras dan RAPID MALURI Cheras adalah KYDL yang diluluskan oleh JAS WPKL. Pada tahun 2025, sebanyak 97 buah kenderaan telah menjalani ujian semula pelepasan asap hitam seperti yang diarahkan oleh JAS di PUSPAKOM Wangsa Maju.

Ujian semula ini dijalankan pada masa yang ditetapkan iaitu pada setiap hari Selasa dan Rabu bermula 9.00 pagi hingga 12.30 tengahari dan dilakukan oleh pihak PUSPAKOM di hadapan pegawai JAS WPKL yang ditugaskan untuk memerhati proses ujian semula kenderaan dijalankan dan seterusnya mengesahkan keputusan ujian. **Gambarfoto 3.19** menunjukkan pemeriksaan di premis *Fleet Operator* (FO) / Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL).



Gambarfoto 3.19: *Pemeriksaan Di Premis FO / KYDL*

Kawalan Pelepasan Asap Di Hentian Bas Awam

Pada tahun 2025, program penguatkuasaan di bawah Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 telah dijalankan di 11 buah hentian bas awam sekitar Wilayah Persukutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya antaranya Hentian Pudu Sentral, Hub Lebuh Pudu, Hentian Duta, Hub Pasar Seni, Hentian Pekeliling, Terminal Bersepadu Selatan (TBS), Hentian Puduraya, Hentian KL Sentral dan Hentian Putrajaya Sentral.

Peraturan ini menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh membenarkan enjin mana-mana kenderaan motor dihidupkan semasa kenderaan motor itu tidak bergerak selama lebih daripada tiga (3) minit dalam kawasan tertutup atau kawasan letak kereta separa tertutup atau mana-mana perhentian. Sebanyak 11 pemeriksaan penguatkuasaan dan kempen kesedaran telah dijalankan di hentian-hentian tersebut dan sebanyak 76 buah bas telah dipantau. Hasil pemeriksaan tersebut didapati semua bas yang dipantau semasa pemeriksaan dijalankan mematuhi kehendak undang-undang yang berkaitan. **Gambarfoto 3.20** adalah operasi yang telah dijalankan di hentian bas awam.



Gambarfoto 3.20: *Operasi Di Hentian Bas Awam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya*

Kawalan Pelepasan Gas Daripada Kenderaan Petrol

Pada tahun 2025, sebanyak tiga (3) operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas kenderaan berenjin petrol di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996. Melalui operasi tersebut sejumlah 16 kenderaan berenjin petrol diuji pelepasan gas karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC) dan didapati semua kenderaan yang diuji mematuhi had pelepasan gas yang dibenarkan. **Gambarfoto 3.21** menunjukkan operasi pelepasan gas *CO / HC* daripada kenderaan berenjin petrol.



Gambarfoto 3.21: *Operasi Pelepasan Gas CO / HC Daripada Kenderaaan Berenjin Petrol*

Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Daripada Motosikal

Penguatkuasaan bunyi bising kenderaan motor dilaksanakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987, yang menetapkan kawalan serta had bunyi bising yang dibenarkan bagi kenderaan motor untuk mengurangkan pencemaran bunyi dan melindungi kesejahteraan awam. Secara amnya aktiviti penguatkuasaan pelepasan bunyi bising yang dijalankan oleh JAS WPKL lebih tertumpu kepada penguatkuasaan Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 iaitu yang melibatkan bunyi bising daripada motosikal. Penguatkuasaan dijalankan dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Sepanjang tahun 2025, sebanyak 71 operasi penguatkuasaan telah dijalankan dan sebanyak 2,502 buah motosikal telah ditahan untuk pemeriksaan saringan. Daripada jumlah itu, sebanyak 583 buah motosikal telah diuji dengan menggunakan peralatan meter bunyi bising. Hasil daripada ujian tersebut, didapati 422 buah motosikal telah mengeluarkan bunyi melebihi paras maksimum yang dibenarkan. Sehubungan itu, penunggang atau pemilik motosikal tersebut telah dikenakan tindakan kompaun serta-merta dan 422 notis arahan untuk menjalani ujian semula bunyi bising telah dikeluarkan. Selain itu, 10 kes telah dikenakan tindakan mahkamah **Rajah 3.11** menunjukkan statisik bilangan motosikal yang diuji dengan peralatan meter bunyi bising dari tahun 2022 hingga 2025. Operasi penguatkuasaan pelepasan bunyi bising motosikal adalah seperti dalam **Gambarfoto 3.22** dan **Gambarfoto 3.23.**



Rajah 3.11: *Statistik Bilangan Motosikal Yang Diuji Dengan Peralatan Meter Bunyi Bising Tahun 2022 Hingga 2025*



Gambarfoto 3.22: *Operasi Pelepasan Bunyi Bising Daripada Motosikal*



Gambarfoto 3.23: *Operasi Pelepasan Bunyi Bising Daripada Motosikal*

Kawalan Pelepasan Gas Karbon Monoksida Daripada Motosikal

Pada tahun 2025, sebanyak lapan (8) operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas motosikal di bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003. Sebanyak lapan (8) buah motosikal telah ditahan untuk pemeriksaan pelepasan gas dan didapati semua motosikal yang diuji mematuhi had pelepasan gas karbon monoksida (CO) yang dibenarkan. **Gambarfoto 3.24** menunjukan operasi pelepasan gas *CO* daripada motosikal.



Gambarfoto 3.24: *Operasi Pelepasan Gas CO Daripada Motosikal*

Kawalan Pengurusan Refrigeran

Sebanyak 10 pusat servis penghawa dingin kenderaan yang terlibat dengan pengurusan refrigeran dari sistem penyejukan (aircond) kenderaan bermotor telah diperiksa dan telah diuji dengan menggunakan *refrigerant identifier* sepanjang tahun 2025 bagi mematuhi kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999. Semua pusat servis penghawa dingin yang diperiksa telah mematuhi peraturan di atas. Pemeriksaan pematuhan dan pengujian dengan menggunakan *refrigerant identifier* adalah seperti dalam **Gambarfoto 3.25.**



Gambarfoto 3.25: *Pemeriksaan Pematuhan Dan Pengujian Menggunakan Refrigerant Identifier*

Operasi Bersepadu Kenderaan Bermotor

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) juga terlibat dengan operasi penguatkuasaan secara bersepadu (Ops Bersepadu) bersama-sama agensi lain iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Keselamatan Jalanraya (JKJR). Penguatkuasaan dijalankan mengikut bidang tugas agensi masing-masing. Sepanjang tahun 2025, sebanyak 96 Ops Bersepadu telah dijalankan melibatkan agensi-agensi tersebut. **Gambarfoto 3.26** merupakan Ops Bersepadu yang dijalankan bersama pihak agensi lain.



Gambarfoto 3.26: *Operasi Bersepadu Yang Dijalankan Bersama-Sama Agensi Lain*

ADUAN PENCEMARAN

Sepanjang tahun 2025, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah menerima dan mengambil tindakan susulan terhadap 951 kes aduan pencemaran alam sekitar termasuk 142 kes aduan di luar bidang kuasa Jabatan. Peningkatan aduan yang diterima adalah sebanyak 20.23 % berbanding 791 kes pada tahun 2024.

Statistik aduan yang diterima oleh JAS WPKL sejak tahun 2013 menunjukkan bahawa tahun 2025 mencatatkan jumlah aduan tertinggi sepanjang tempoh tersebut. Aduan yang diterima daripada pengadu sama ada melalui talian telefon *hotline*, aplikasi *What's App*, sistem e-aduan, e-mel, surat ataupun secara datang bersemuka ke pejabat. Statistik aduan yang diterima dari tahun 2013 hingga 2025 boleh dirujuk pada **Rajah 3.12.**



Rajah 3.12: *Statistik Aduan Yang Diterima JAS WPKL Mengikut Tahun*

Bagi jenis aduan yang diterima sepanjang tahun 2025, pencemaran udara merupakan aduan pencemaran yang tertinggi iaitu sebanyak 742 kes (78.02%). Ini diikuti dengan kes pencemaran bunyi bising sebanyak 100 kes (10.52%), kes pencemaran air sebanyak 42 kes (4.42%), aduan buangan terjadual sebanyak 12 kes (1.26%) dan kes aduan lain seperti tumpahan minyak, gegaran, aduan pembuangan sampah serta kacau ganggu sebanyak 55 kes (5.78%). Bagi kes aduan yang di luar bidang kuasa JAS, Jabatan ini telah menyalurkan aduan tersebut kepada agensi-agensi berkaitan yang mempunyai bidang kuasa untuk mengambil tindakan selanjutnya. Carta peratusan aduan yang diterima mengikut jenis adalah seperti di dalam **Rajah 3.13.**



Rajah 3.13: *Carta Peratusan Jenis Aduan Yang Diterima, 2025*

Aduan pembakaran terbuka merupakan aduan yang paling banyak diterima oleh JAS WPKL pada tahun 2025 iaitu sebanyak 682 kes (78.52%) berbanding dengan aduan pencemaran lain. Pecahan bagi aduan pembakaran terbuka mengikut kawasan parlimen pula menunjukkan kawasan Parlimen Segambut merupakan kawasan paling tinggi yang diadu iaitu sebanyak 127 kes (18.62%). Ini diikuti dengan kawasan Parlimen Seputeh sebanyak 115 kes (16.86%) dan kawasan Parlimen Wangsa Maju sebanyak 88 kes (12.90%). Bilangan aduan pembakaran terbuka mengikut kawasan Parlimen termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya (WPP) adalah seperti di dalam **Rajah 3.14.**



Rajah 3.14: *Bilangan Aduan Pembakaran Terbuka Mengikut Kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Wilayah Persekutuan Putrajaya, 2025*

Rondaan Mencegah Pencemaran Alam Sekitar

Pada tahun 2025 juga sebanyak 167 bilangan rondaan mencegah pencemaran melalui Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT) telah dijadualkan. Rondaan dijalankan di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang tertumpu kepada kawasan Mukim Petaling dan Mukim Cheras kerana ia terletak di dalam lingkungan 30 km jejari sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang diisytiharkan sebagai Zon Larangan Pembakaran Terbuka dan juga di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Program Kesedaran Bersama Komuniti – Kempen Larangan Dan Jom Hentikan Pembakaran Terbuka

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah mengadakan satu (1) program kesedaran mengenai larangan pembakaran terbuka di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12): Program Pencegahan Dan Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut Serta Kawasan Lain Yang Berisiko Kebakaran Untuk Mengatasi Jerebu. Program tersebut, iaitu Program Kesedaran Bersama Komuniti–Kempen Larangan dan Jom Hentikan Pembakaran Terbuka, merupakan satu inisiatif kemasyarakatan yang dilaksanakan oleh JAS bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai larangan pembakaran terbuka yang boleh menyumbang kepada kemerosotan kualiti udara serta kejadian jerebu di kawasan setempat.

Program ini telah diadakan pada 27 September 2025 di PPR Perkasa yang terletak di kawasan Parlimen Titiwangsa. Pelbagai aktiviti diadakan antaranya *pocket talk* oleh agensi-agensi sahabat seperti Dewan Badaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Selain itu, terdapat juga *eco-free market* dan demonstrasi pengujian bunyi bising motosikal oleh JAS WPKL bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pencemaran bunyi, kesan kepada alam sekitar, dan memastikan pematuhan undang-undang bagi menjamin kualiti hidup yang lebih baik.

Turut diadakan pertandingan warna-warni lestari, pertandingan *eco-explorace challenge* dan lain-lain. Pengunjung juga boleh membawa barangan elektrikal dan elektronik terpakai (e-waste) dan minyak masak terpakai dalam program pengumpulan *e-waste* dan program pembelian minyak masak terpakai untuk ditukarkan kepada 'token' sama ada dalam bentuk barangan keperluan harian atau wang tunai. Gambar aktiviti seperti **Gambarfoto 3.27** hingga **Gambarfoto 3.30**.



***Gambarfoto 3.27**: Ucapan Perasmian Oleh Pengarah JAS WPKL Di Dalam Program Kesedaran Bersama Komuniti – Kempen Larangan Dan Jom Hentikan Pembakaran Terbuka Di PPR Perkasa, Kuala Lumpur*



***Gambarfoto 3.28:** Puan Pengarah Menyampaikan Hadiah Kepada Peserta Cilik Pertandingan Warna-Warni Lestari*



***Gambarfoto 3.29:** Aktiviti Eco-Free Market yang Memberikan Para Pengunjung Pilihan Barangan Keperluan Secara Percuma*



***Gambarfoto 3.30:** Demonstrasi Prosedur Pengujian Bunyi Bising Motosikal Mengikut Keperluan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987*

PENDAKWAAN KES

Dengan kuasa yang diberikan oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR) Kuala Lumpur kepada Pegawai Pendakwa di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL), proses pendakwaan akan dijalankan ke atas penjenayah alam sekitar yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 atau Akta 127 serta akan dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, Jalan Tuanku Abdul Halim (Jalan Duta), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Di antara skop tugas Pegawai Pendakwa dan pegawai–pegawai di Unit Pendakwaan JAS WPKL adalah seperti berikut;

1. Mengendalikan sebutan kes dan pengurusan kes di mahkamah
2. Mengendalikan kes perbicaraan di mahkamah
3. Menyemak status kompaun yang dikeluarkan oleh pegawai penyiasat
4. Membantu pegawai penyiasat melengkapkan kertas siasatan
5. Menyemak kertas siasatan yang dibuka oleh pegawai penyiasat
6. Memberi taklimat kes kepada Timbalan Pendakwa Raya Negeri (TPR) atau Penasihat Undang-Undang Jabatan (PUU)

Kertas Siasatan, Tawaran Kompaun dan Tindakan Mahkamah

Pendakwaan merupakan proses tindakan mahkamah yang telah diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) dan boleh dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan Peraturan-Peraturan yang tertakluk di bawahnya.

Berdasarkan peruntukan perundangan, kesalahan di bawah AKAS 1974 dan Peraturan-Peraturan yang tertakluk dibawahnya boleh dikenakan sama ada tindakan kompaun atau tindakan mahkamah dengan proses dimulakan dengan penyediaan kertas siasatan. Proses tindakan mahkamah ini akan melalui perkara-perkara seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 3.15.**



Rajah 3.15: *Carta Alir Proses Tindakan Mahkamah*

Kertas Siasatan

Kertas siasatan adalah satu rekod fakta secara bertulis dan keterangan yang diperolehi melalui penyiasatan yang dijalankan ke atas kes jenayah alam sekitar mengikut peruntukan Akta 127. Kertas siasatan yang telah dibuka seterusnya dikemukakan kepada TPR Negeri atau Penasihat Undang-Undang (PUU) JAS bagi permohonan keizinan mengkompaun dan keizinan pendakwaan sepertimana kehendak seksyen 44, AKAS 1974.

Sepanjang tahun 2025, bilangan kertas siasatan yang telah dibuka di JAS WPKL mengikut punca pencemaran adalah seperti ditunjukkan pada **Jadual 3.1.**

Jadual 3.1: *Kertas Siasatan yang Dibuka Mengikut Punca Pencemaran Tertakluk Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974*



Izin Mengkompaun Dan Tawaran Kompaun

Pegawai Penyiasat boleh menawarkan tawaran kompaun kepada pesalah di bawah kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun setelah mendapat keizinan mengkompaun daripada TPR atau PUU. Sepanjang tahun 2025 sejumlah 505 bilangan kompaun telah ditawarkan dan JAS WPKL telah berjaya membuat kutipan pembayaran tawaran kompaun sebanyak RM158,200.00. Bilangan kompaun yang dikeluarkan pada tahun 2025 mengikut kesalahan seperti **Rajah 3.16.**



Rajah 3.16: *Bilangan Tawaran Kompaun Mengikut Kesalahan di Bawah AKAS 1974*

TINDAKAN MAHKAMAH

Pendakwaan Dan Pendaftaran Kes Mahkamah

Sepanjang tahun 2025, sebanyak 17 kertas siasatan telah dibuka berkaitan dengan kes-kes yang memerlukan izin pendakwaan. Kertas siasatan ini merupakan langkah awal dalam proses perundangan untuk mendapatkan kebenaran TPR atau PUU bagi memulakan pendakwaan terhadap pihak-pihak yang disyaki melakukan kesalahan.

Pada tahun 2025, sebanyak 27 kes telah didaftarkan secara rasmi di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Pendaftaran kes ini menandakan permulaan proses perbicaraan di mahkamah bagi menentukan pihak-pihak yang terlibat bersalah atau sebaliknya. Berikut ialah **Rajah 3.17** yang menunjukkan bilangan kes yang telah didaftar di mahkamah mengikut kesalahan pada tahun 2025.



Rajah 3.17: *Bilangan Kes Didaftarkan Di Mahkamah Mengikut Kesalahan Di Bawah AKAS 1974*

Sebutan Dan Perbicaraan Kes Di Mahkamah

Kes-kes yang telah didaftarkan di mahkamah akan melalui pelbagai peringkat perbicaraan, termasuk sebutan kes dan perbicaraan penuh. Secara keseluruhannya, terdapat 39 kali sebutan dan perbicaraan kes di mahkamah telah direkodkan sepanjang tahun 2025.

Sebutan kes merupakan prosiding di mana pihak-pihak iaitu orang kena saman (OKS), pihak pendakwaan dan peguambela (sekiranya OKS diwakili peguam) yang terlibat perlu hadir di hadapan hakim untuk memaklumkan perkembangan mengenai kes, manakala perbicaraan penuh melibatkan pembentangan bukti dan hujahan daripada pihak pendakwaan dan pembelaan.



KES SELESAI

Sabitan, Hukuman Dan Denda, Kes *Discharge Not Amounting To An Acquittal* (DNAA) Dan Kes *No Further Action* (NFA)

Pada tahun 2025, sebanyak 16 kes mahkamah telah berjaya diselesaikan di Mahkamah Sesyen Jenayah 12, Mahkamah Kuala Lumpur di hadapan Yang Arif Hakim Puan Norina binti Zainol Abidin, Tuan Mohd Zaki bin Mohd Salleh dan Puan Siti Shakirah binti Dato Wira Mokhtarudin. Daripada jumlah itu, sebanyak 15 kes pertuduhan telah berjaya disabitkan dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 serta Peraturan-Peraturan di bawahnya serta dijatuhkan hukuman dan denda yang melibatkan jumlah denda keseluruhan sebanyak RM232,000.00.

Sebanyak empat (4) kes yang disabitkan tersebut adalah yang melibatkan denda di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024. Namun tiada kes pemenjaraan mandatori direkodkan oleh JAS WPKL pada tahun ini. **Jadual 3.2** menunjukkan kes yang telah dijatuhkan hukuman beserta jumlah denda bagi kesalahan yang dilakukan.

Jadual 3.2: *Kes Yang Telah Dijatuhkan Hukuman Pada Tahun 2025 Mengikut Kesalahan Di Bawah AKAS 1974*

Bil.	Orang Kena Saman (OKS)	Hukuman / Denda	Sabitan Kesalahan
1.	King's Confectionery Sdn. Bhd.	Denda RM72,000 (3 pertuduhan)	PPKAS (Efluen Perindustrian) 2009
2.	MGV Recycles Sdn. Bhd.	Denda RM50,000 (2 pertuduhan)	Seksyen 18 & 19 AKAS 1974
3.	Vicknesvaran A/L Selludarai	Denda RM8,000 (1 pertuduhan)	PPKAS (Buangan Terjadual) 2005
4.	Tan Chong Motor Assemblies Sdn. Bhd.	Denda RM12,000 (1 pertuduhan)	PPKAS (Efluen Perindustrian) 2009
5.	Mega Metal Sdn. Bhd.	Denda RM25,000 (1 pertuduhan)	Seksyen 18(1) AKAS 1974
6.	Percetakan Rina Sdn. Bhd.	Denda RM5,000 (1 pertuduhan)	Seksyen 49A(1) AKAS 1974
7.	Jimat Jaya Sdn. Bhd.	Denda RM60,000 (6 pertuduhan)	PPKAS (Efluen Perindustrian) 2009

Pada tahun 2025, pihak pendakwaan JAS WPKL telah berjaya merekodkan satu kes *prima facie* bagi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009. Kes *prima facie* bermaksud bukti yang ada sudah cukup untuk menunjukkan tertuduh mungkin bersalah, melainkan dia boleh membuktikan sebaliknya. Dalam kes ini, pihak pendakwaan yang terdiri daripada tiga (3) orang Pegawai Pendakwa berserta pasukan penyiasat telah terlibat dengan prosiding perbicaraan penuh Peringkat Pendakwaan.

Seramai tiga (3) orang saksi pendakwaan yang terdiri daripada Pegawai Penyiasat, Pegawai Persampelan dan Ahli Kimia daripada Jabatan Kimia Malaysia telah dipanggil untuk memberi keterangan di mahkamah. Di akhir kes Peringkat Pendakwaan, Yang Arif Hakim telah memutuskan bahawa terdapat kes *prima facie* terhadap tertuduh. Seterusnya mahkamah telah memerintahkan supaya OKS dipanggil untuk membela diri. Kes ini ditetapkan untuk sambung perbicaraan di Peringkat Pembelaan pada tahun 2026.

Pada tahun 2025 juga, sebanyak sembilan (9) kes yang telah didaftarkan di Mahkamah telah diperintahkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen sebagai dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) atas alasan waran tangkap gagal disempurnakan dan ada juga kes OKS telah selesai membayar tawaran kompaun.

Selain itu, berdasarkan rekod kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2025 dan tahun sebelumnya, sebanyak dua (2) kertas siasatan telah diputuskan tidak diteruskan untuk pendakwaan (No Further Action, NFA) oleh Yang Arif TPR kerana OKS telah mematuhi notis arahan dengan alasan yang munasabah.



BAB

4

PENGAWASAN DAN PROMOSI KESEDARAN ALAM SEKITAR

inlay JAS KL-D2.indd 51 09/09/2026 9:39 AM

BAB 4 : PENGAWASAN DAN PROMOSI KESEDARAN ALAM SEKITAR

PENGAWASAN

Program pengawasan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) pada tahun 2025 terbahagi kepada tiga (3) iaitu pengawasan kualiti air tanah, pengawasan kualiti udara dan pengawasan kualiti air sungai. Pengawasan bunyi bising juga turut dilaksanakan bagi membantu siasatan dan pemantauan terhadap kes-kes aduan awam berkenaan bunyi bising daripada aktiviti-aktiviti yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015.

Kerja-kerja pengawasan dilaksanakan secara pemantauan di lapangan dan pemantauan data secara desktop melalui sistem yang dibangunkan oleh Jabatan iaitu Program Pengurusan Kualiti Alam Sekitar (Environmental Quality Management Programme, EQMP) dan Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (E-KAS).

PENGAWASAN KUALITI AIR TANAH

Terdapat tujuh (7) stesen pengawasan kualiti air tanah (SPeKAT) yang dikawal selia oleh JAS WPKL iaitu dua (2) di Taman Beringin, Kepong, tiga (3) di jajaran Lebuhraya MEX, Sungai Besi, satu (1) di Royal Selangor Golf Club dan satu (1) di Taman Wetland, Putrajaya. Pengawasan kualiti air tanah di setiap stesen pengawasan dilaksanakan setiap suku tahunan. **Gambarfoto 4.1** menunjukkan kerja-kerja persampelan kualiti air tanah di SPeKAT yang dilaksanakan pada tahun 2025.



Gambarfoto 4.1: *Kerja-Kerja Persampelan Di Stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah, 2025*

Pengurusan Stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah

Pada tahun 2025, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah menerima peruntukan sebanyak RM8,700.00 untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan luaran dan dalaman di tujuh (7) lokasi stesen pengawasan kualiti air tanah (SPeKAT) iaitu:

i. Tapak nurseri Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Taman Beringin, Kepong;
ii. Stesen pemindahan sisa pepejal (transfer station) di Taman Beringin;
iii. Taman Wetland, Putrajaya;
iv. Tiga (3) stesen di Lebuh Raya MEX, Sg. Besi; dan
v. Royal Selangor Golf Club.

Kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dijalankan oleh pihak kontraktor yang dilantik melibatkan penyelenggaraan luaran seperti mengecat, membaik pulih dan membersihkan semak samun di kawasan stesen. Manakala penyelenggaran dalaman yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti kadar paras air bawah tanah yang berada di dalam telaga di stesen-stesen pengawasan kualiti air tanah tersebut. Kerja-kerja penyelenggaraan luaran dan dalaman yang telah dijalankan oleh pihak kontraktor adalah seperti di dalam **Gambarfoto 4.2** hingga **Gambarfoto 4.6.**



Gambarfoto 4.2: *Penyelenggaraan Luaran Stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah Di Tapak Nurseri DBKL Sebelum Dan Selepas*



Gambarfoto 4.3: *Penyelenggaraan Luaran Stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah Di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal, Taman Beringin Sebelum Dan Selepas*



Gambarfoto 4.4: *Penyelenggaraan Luaran Stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah Di Taman Wetland, Putrajaya Sebelum Dan Selepas*



Gambarfoto 4.5: *Penyelenggaraan Luaran Stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah Di Lebuh Raya MEX, Sg. Besi Sebelum Dan Selepas*



Gambarfoto 4.6: *Aktiviti Penyelenggaraan Dalaman Stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah Di Royal Selangor Golf Club, 2025*

Lokasi stesen-stesen pengawasan kualiti air tanah adalah seperti di dalam **Jadual 4.1.** Manakala **Jadual 4.2** menunjukkan jadual persampelan kualiti air bawah tanah yang dilaksanakan oleh JAS WPKL bagi tahun 2025.

Jadual 4. 1: *Lokasi Stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2025*

Bil.	Lokasi	Jenis Guna Tanah	ID Stesen	Koordinat
1.	Taman Beringin, Kepong (Nurseri DBKL)	Bekas Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	MW(7)-W310115-4-7.26	E 101.658580 N 3.232221
2.	Taman Beringin, Kepong (Transfer Station)	Bekas Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	MW(7)-W310115-5-6.10	E 101.656352 N 3.227653
3.	Jalan Sungai Besi (Lebuh Raya MEX)	Bekas Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	MW(7)-W310115-1-5.50	E 101.708023 N 3.105517
4.	Jalan Sungai Besi (Lebuh Raya MEX)	Bekas Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	MW(7)-W310115-2-5.54	E 101.710106 N 3.107476
5.	Jalan Sungai Besi (Lebuh Raya MEX)	Bekas Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	MW(7)-W310115-2-5.57	E 101.710901 N 3.108516
6.	Royal Selangor Golf Club	Padang Golf	MW(7)-W310115-6-5.37	E 101.724000 N 3.148000
7.	Taman Wetland, Putrajaya	Bandar/Separa Bandar	MW(7)-W210103-1-10.0	E 101.713632 N 2.962034

Jadual 4.2: *Jadual Persampelan Kualiti Air Tanah Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2025*

Bil.	Lokasi	ID Stesen	Tarikh Persampelan
1.	Jalan Sungai Besi (Lebuh Raya MEX)	MW(7)-W310115-1-5.50	24.2.2025 20.5.2025 30.9.2025 8.12.2025
2.	Jalan Sungai Besi (Lebuh Raya MEX)	MW(7)-W310115-2-5.54	24.2.2025 20.5.2025 30.9.2025 8.12.2025
3.	Jalan Sungai Besi (Lebuh Raya MEX)	MW(7)-W310115-3-5.57	24.2.2025 20.5.2025 30.9.2025 8.12.2025
4.	Taman Beringin, Kepong (Nurseri DBKL)	MW(7)-W310115-4-7.26	10.2.2025 19.5.2025 29.7.2025 15.12.2025
5.	Taman Beringin, Kepong (Transfer Station)	MW(7)-W310115-5-6.10	10.2.2025 19.5.2025 29.7.2025 15.12.2025
6.	Taman Wetland, Putrajaya	WW(7)-W310115-7-10.00	17.2.2025 13.5.2025 28.7.2025 24.11.2025
7.	Royal Selangor Golf Club	MW(7)-W310115-6-5.37	Persampelan tidak dijalankan kerana paras air bawah tanah yang rendah

PENGAWASAN KUALITI UDARA

Syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia iaitu Pakar Scieno TW Sdn. Bhd. sejak 14 April 2017 bertanggungjawab membangunkan sistem Program Pengurusan Kualiti Alam Sekitar (Environmental Quality Management Programme, EQMP) dan melaksanakan pemantauan kualiti udara secara atas talian (online).

Terdapat tiga (3) stesen pengawasan kualiti udara automatik (Continuous Air Quality Monitoring, CAQM) dan tiga (3) stesen pengawasan kualiti udara manual (Manual Air Quality Monitoring, MAQM) di dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang diselia oleh JAS WPKL seperti di dalam **Jadual 4.3** dan **Jadual 4.4. Gambarfoto 4.7** menunjukkan salah satu stesen pengawasan kualiti udara seliaan JAS WPKL.

Bagi memastikan semua stesen pengawasan kualiti udara sentiasa berada dalam keadaan baik, Bahagian Udara, JAS Ibu Pejabat bersama-sama wakil JAS WPKL telah melaksanakan program pengauditan stesen pengawasan bagi komponen udara (automatik dan manual) di bawah Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (EQMP) pada 16 Disember 2025 bertempat di Stesen Pengawasan Kualiti Udara Automatik Cheras dan Stesen Pengawasan Kualiti Udara Manual di Menara DBKL 1. Rujuk gambar program pengauditan di dalam **Gambarfoto 4.8.**

Status kualiti udara diukur dengan menggunakan Indeks Pencemaran Udara (IPU). Setiap pencemar akan menghasilkan sub-indeks tersendiri. Sub-indeks tertinggi secara relatif akan diambilkira sebagai bacaan IPU. Petunjuk Indeks Pencemaran Udara adalah seperti di dalam **Jadual 4.5.** Antara parameter-parameter IPU yang diukur adalah:-

i. Pepejal Terampai bersaiz 10 mikrometer (PM10);

ii. Pepejal Terampai bersaiz 2.5 mikrometer (PM2.5);

iii. Sulfur dioksida (SO_2);

iv. Nitrogen Diokside (NO_2);

v. Karbon Monoksida (CO); dan

vi. Ozon paras bumi (O_3).

Susulan aduan bau busuk yang diterima daripada penduduk sekitar Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin, Unit Pengawasan JAS WPKL telah menjalankan pengawasan udara di sekitar kawasan terlibat pada 19 Februari 2025. Pemantauan juga turut menggunakan pesawat tanpa pemandu (dron) oleh Unit *GIS*, JAS WPKL. Kerja-kerja pengawasan kualiti udara adalah seperti di dalam **Gambarfoto 4.9.**

Jadual 4.3: *Stesen Pengawasan Kualiti Udara Automatik Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2025*

Stesen Pengawasan Kualiti Udara Automatik / *Continuous Air Quality Monitoring Station* (CAQMS)			
Nama Stesen	**Lokasi**	**Koordinat**	**Kategori**
Batu Muda CA15W	Sekolah Kebangsaan Batu Muda Jalan 2/12d, Sentul, 51100 Kuala Lumpur	101.682228 3.212439	Sub Urban
Cheras CA16W	Stadium Mini Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Permaisuri Jalan Seri Permaisuri Bandar Seri Permaisuri 56000 Kuala Lumpur	101.717917 3.106236	Urban
Presint 18 CA17Q	Sekolah Kebangsaan Presint 18 (2) No.3 Jalan P18 Presient 18 21000 Putrajaya	101.69005 2.914816	Sub Urban

Jadual 4.4: *Stesen Pengawasan Kualiti Udara Manual Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2025*

Stesen Pengawasan Kualiti Udara Manual / *Manual Air Quality Monitoring Station* (MAQMS)		
Nama Stesen	**Lokasi**	**Koordinat**
Klinik Kesihatan Kuala Lumpur MA04W	MRR1 Jalan Temerloh, Titiwangsa 53200 Kuala Lumpur	101.707494 3.173285
Pusat Bandar Kuala Lumpur MA05W	Taman Pudu Ulu 55300 Kuala Lumpur	101.731433 3.124299
Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur MA06W	Menara DBKL 1 Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur	101.694368 3.151995

Jadual 4.5: *Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU)*

Indeks Pencemaran Udara (IPU)	Status
0-50	Baik
51-100	Sederhana
101-200	Tidak Sihat
201-300	Sangat Tidak Sihat
300	Berbahaya



Gambarfoto 4.7: *Stesen Pengawasan Kualiti Udara Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2025*



Gambarfoto 4.8: *Program Pengauditan Stesen Pengawasan Bagi Komponen Udara (Automatik Dan Manual) Di Bawah Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (EQMP), 2025*




Gambarfoto 4.9: *Pengawasan Kualiti Udara Di Sekitar Transfer Station, Taman Beringin*

PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI

Terdapat satu (1) stesen pengawasan kualiti air sungai automatik (Continuous River Water Quality Monitoring, CRWQM) seperti dalam **Jadual 4.6** dan 27 stesen pengawasan kualiti air sungai manual (Manual River Water Quality Monitoring, MRWQM) di bawah seliaan JAS WPKL seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 4.7.** Pemantauan dilaksanakan secara *desktop* bagi semakan data dan secara di lapangan bagi pemerhatian dan pengambilan data *in situ*.

Jadual 4.6: *Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Automatik Di Bawah Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2025*

Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Automatik / *Continuous River Water Quality Monitoring Station* (CRWQM)				
ID	**Nama Stesen**	**Lokasi**	**Koordinat**	**Catatan**
CR12W	Kampung Pasir Petaling, Kuala Lumpur	*Confluences of* Sungai Kerayong *STP* Pantai	101.6719 3.090691	*Upstream* 1K25 *Downstream* 1K06

Jadual 4.7: *Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Manual Di Bawah Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2025*

Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Manual WPKL				
Bil.	**ID Stesen**	**Lembangan EQMP**	**Sungai EQMP**	**Lokasi**
1.	2WKLG041	Klang	Air Busuk	Bangunan Ecovest
2.	2WKLG018	Klang	Gombak	Jalan Tun Razak
3.	2WKLG056	Klang	Batu	Kasepilley JPS Luar
4.	2WKLG061	Klang	Batu	Jambatan Jalan Ipoh Kampung Batu
5.	2WKLG040	Klang	Belongkong	Pasar Besar Gombak
6.	2WKLG006	Klang	Bunus	Hospital Kuala Lumpur
7.	2WKLG039	Klang	Bunus	PULAPOL Jalan Semarak
8.	2WKLG043	Klang	Bunus	Teknik Setapak
9.	2WKLG028	Klang	Batu	Jalan Batu Caves
10.	2WKLG026	Klang	Gombak	Padang Balang
11.	2WKLG060	Klang	Gombak	PWTC
12.	2WKLG014	Klang	Jinjang	Sekolah Kebangsaan Batu
13.	2WKLG031	Klang	Jinjang	Bulatan Jalan Ipoh
14.	2WKLG045	Klang	Jinjang	Taman Wahyu (Kolam JPS)
15.	2WKLG046	Klang	Kerayong	Jalan Kuari
16.	2WKLG048	Klang	Keroh	Jalan Kepong

Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Manual WPKL				
Bil.	**ID Stesen**	**Lembangan EQMP**	**Sungai EQMP**	**Lokasi**
17.	2WKLG015	Klang	Keroh	Kasepilley Dalam
18.	2WKLG001	Klang	Klang	Balai Polis Petaling
19.	2WKLG002	Klang	Klang	Jalan Sultan Sulaiman
20.	2WKLG003	Klang	Klang	Dang Wangi
21.	2WKLG004	Klang	Klang	Kg. Abdullah Hukum
22.	2WKLG049	Klang	Klang	Berhampiran Balai Bomba Keramat
23.	2WKLG052	Klang	Kuyoh	Jambatan Bawah Berdekatan Petron
24.	2WKLG010	Klang	Penchala	TTDI Kuala Lumpur
25.	2WKLG037	Klang	Toba	TNB Segambut Dalam
26.	2WKLG038	Klang	Utut	Bangunan JKR Pekeliling
27.	2WKLG058	Klang	Kerayong	Jambatan Jalan Indah

Program Pengawasan Kualiti Air Sungai Bagi *Notification Of Pollution Event* (NPE) *Level 2*

Pada tahun 2025, JAS WPKL telah menerima empat (4) laporan *Notification of Pollution Event* (NPE) *Level 2* sungai tercemar iaitu dua (2) kali di Sungai Toba dan masing-masing satu (1) kali di Sungai Kerayong dan Sungai Air Busuk. JAS WPKL telah menjalankan pengawasan kualiti air sungai iaitu persampelan *in situ* dan persampelan rasmi air sungai terlibat dan sampel rasmi dihantar untuk dianalisa oleh Jabatan Kimia. **Gambarfoto 4.10** hingga **Gambarfoto 4.15** menunjukan aktiviti pengawasan *in situ* dan persampelan rasmi air sungai tercemar yang telah dijalankan.

Hasil daripada pengawasan yang dijalankan didapati terdapat beberapa punca yang dikenalpasti berada dalam lingkungan satu (1) km daripada stesen pengawasan kualiti air manual iaitu kawasan industri, loji kumbahan, restoran dan bengkel kenderaan yang mempunyai kebarangkalian menjadi penyumbang kepada *extreme value* terutama bagi parameter minyak dan gris (Oil and Grease, O&G), Keperluan Oksigen Biokimia (Biochemical Oxygen Demand, BOD) dan Keperluan Oksigen Kimia (Chemical Oxygen Demand, COD).



Gambarfoto 4.10: *Pengawasan In Situ Dan Persampelan Rasmi Air Sungai Tercemar Di Sungai Kerayong (17/7/2025)*



Gambarfoto 4.11: *Pengawasan In Situ dan Persampelan Rasmi Air Sungai Tercemar Di Sungai Toba (16/1/2025 & 11/11/2025)*



Gambarfoto 4.12: *Pengawasan In Situ dan Persampelan Rasmi Air Sungai Tercemar Di Sungai Air Busuk (17/7/2025)*



Gambarfoto 4.13: *Pengawasan In Situ Dan Persampelan Rasmi Air Sungai Tercemar Di Upstream Sungai Kerayong*



Gambarfoto 4.14: *Bacaan In Situ Bagi Sungai Toba*



Gambarfoto 4.15: *Bacaan In Situ bagi Sungai Kerayong Dan Sungai Air Busuk*

PROMOSI KESEDARAN ALAM SEKITAR

Tujuan program pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar yang dilaksanakan adalah untuk meningkatkan kesedaran orang awam terhadap kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Program-program yang dijalankan meliputi pelbagai aktiviti kesedaran seperti ceramah, pameran dan penyebaran maklumat alam sekitar melalui media cetak dan elektronik.

Ceramah Alam Sekitar

Aktiviti ceramah alam sekitar yang dianjurkan kepada pelajar sekolah, orang awam serta komuniti setempat bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga dan memulihara alam sekitar. Selain itu, ceramah berkonsepkan promosi alam sekitar turut dilaksanakan khusus kepada komuniti industri bagi memperkukuh tahap pengurusan alam sekitar selaras dengan Dasar Alam Sekitar Negara dan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.

Sepanjang tahun 2025, sebanyak 23 siri ceramah alam sekitar telah dijalankan melibatkan pelbagai kumpulan sasaran di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 4.8.** Pelaksanaan program ceramah alam sekitar tersebut turut dipaparkan dalam **Gambarfoto 4.16** hingga **Gambarfoto 4.24.**

Jadual 4.8: *Ceramah Kesedaran Alam Sekitar, 2025*

Bil.	Senarai Ceramah Alam Sekitar	Tarikh	Tempat
1.	Taklimat Pindaan *EQA* oleh Puan Pengarah JAS WPKL	27 Februari 2025	Gadang Engineering Sdn. Bhd.
2.	Taklimat Sekolah Lestari kepada Komuniti Jawatankuasa Sekolah Mampan	24 Mac 2025	Bilik Mesyuarat LA21KL DBKL
3.	Taklimat Pemantapan Integriti Sempena Ramadan	11 Mac 2025	JAS WPKL
4.	Taklimat Mengenai Perundangan Pindaan Akta anjuran Edgenta Health Sdn. Bhd.	15 April 2025	UEM Edgenta Sdn. Bhd. dan atas talian
5.	Program Kesedaran Hari Bumi- Forum *The Hidden Crisis: Tackling Illegal E-waste Factories in Malaysia*"	16 April 2025	Universiti Malaya
6.	Taklimat berkenaan dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024 oleh JAS WPKL anjuran Sapura Energy Berhad	22 April 2025	Menara PNB
7.	Program Ceramah Alam Sekitar - *Knowledge Transfer 'Bright Minds, Green Future*" anjuran bersama Asia Pacific University dan JAS WPKL Sempena Hari Bumi 2025	26 April 2025	Asia Pacific University Campus
8.	Taklimat Mengenai Pengurusan Buangan Terjadual di Malaysia sempena Program *Asean Solid Waste Management Congress*	29 April 2025	Courtyard, Kuala Lumpur
9.	Forum *HSE*: *Green Energy, Mental Health & Governance*	14 Mei 2025	Double Tree, WPKL
10.	Ceramah Pindaan AKAS 1974 anjuran EnQuest	14 Mei 2025	Double Tree, WPKL
11.	Taklimat Situasi Kualiti Udara di WPKL dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan	26 Mei 2025	Menara DBKL
12.	Program Ceramah Alam Sekitar - "*Navigating Sustainability Regulations in Malaysia's F&B Sector*" anjuran Veolia Water Technologies	29 Mei 2025	Aloft Hotel, WPKL
13.	Program Webinar "Pengenalan Kepada Pelepasan Daripada Kenderaan Bermotor" sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2025	11 Jun 2025	JAS WPKL

Bil.	Senarai Ceramah Alam Sekitar	Tarikh	Tempat
14.	Program Ceramah Alam Sekitar bersama UTM Kuala Lumpur	13 Jun 2025	Universiti Teknologi Malaysia
15.	Taklimat berkenaan dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024 oleh Puan Pengarah JAS WPKL	26 Jun 2025	UEM Edgenta Sdn. Bhd.
16.	Ceramah dan Aluan Semasa Program di Padang Balang	5 Julai 2025	Kampung Padang Balang, WPKL
17.	Taklimat Promosi SLAAS di IPG Kampus Bahasa Antarabangsa	10 Julai 2025	IPG KBA
18.	Ceramah Alam Sekitar - Program Kem Kepimpinan Belia dan Tenaga Hijau 2025	9 Ogos 2025	Kem Al Azhar, Morib
19.	Ceramah Kesedaran Alam Sekitar - Program *World Clean-Up Day* 2025 anjuran Sunway Putra Hotel	18 September 2025	Sunway Putra Hotel, WPKL
20.	Ceramah Alam Sekitar - Program Komuniti Bersama Jabatan Alam Sekitar "Selamatkan Ozon, Selamatkan Kehidupan"	25 September 2025	Kolej Poly-Tech MARA, WPKL
21.	*Pocket Talk* Program Komuniti Larangan & Hentikan Pembakaran Terbuka sempena Hari Ozon Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2025	27 September 2025	PPR Perkasa Cheras, WPKL
22.	Ceramah sempena Program *Awareness Sustainable E-waste Management*	14 Oktober 2025	Gadang Holdings Berhad
23.	Ceramah Pengenalan Kepada Pencemaran Udara dan Peraturan-Peraturan Bagi Mengawal Pencemaran Udara di Bawah AKAS	2 Disember 2025	Unipati Concrete Sdn. Bhd.



Gambarfoto 4.16: *Program Ceramah Alam Sekitar – Knowledge Transfer "Bright Minds, Green Future" Anjuran Bersama Asia Pacific University Dan JAS WPKL Sempena Hari Bumi 2025 Di APU Campus Pada 26 April 2025*



Gambarfoto 4.18: *Forum HSE: Green Energy, Mental Health & Governance Di Double Tree, Kuala Lumpur Pada 14 Mei 2025*



Gambarfoto 4.17: *Taklimat Mengenai Pengurusan Buangan Terjadual Di Malaysia Sempena Program Asean Solid Waste Management Congress Di Courtyard Kuala Lumpur Pada 29 April 2025*



Gambarfoto 4.19: *Program Ceramah Alam Sekitar – "Navigating Sustainability Regulations In Malaysia's F&B Sector" Anjuran Veolia Water Technologies Pada 28 & 29 Mei 2025*



Gambarfoto 4.20: *Program Ceramah Alam Sekitar Bersama UTM KL Di UTM KL Pada 13 Jun 2025*



Gambarfoto 4.21: *Ceramah Dan Aluan Semasa Program Di Padang Balang Pada 5 Julai 2025*



Gambarfoto 4.22:*Ceramah Alam Sekitar – Program Komuniti Bersama Jabatan Alam Sekitar "Selamatkan Ozon, Selamatkan Kehidupan" Di Kolej Poly-Tech MARA, WPKL Pada 25 September 2025*



Gambarfoto 4.23: *Pocket Talk – Program Komuniti Larangan & Hentikan Pembakaran Terbuka Sempena Hari Ozon Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Di PPR Perkasa Cheras, WPKL Pada 27 September 2025*



Gambarfoto 4.24: *Ceramah Sempena Program Awareness Sustainable E-waste Management Di Gadang Holdings Berhad Pada 14 Oktober 2025*

Pameran Alam Sekitar

Sepanjang tahun 2025, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah mengadakan sebanyak 25 aktiviti pameran alam sekitar. Pameran-pameran yang bertemakan pelbagai sambutan hari penting alam sekitar dan acara telah dijalankan dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan swasta, pihak sekolah, rakan strategik, institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta pihak komuniti. Bahan pameran dipamerkan dalam pelbagai bentuk seperti gambarfoto, artikel, peralatan / bahan fizikal dan *interactive board*. Selain itu, bahan-bahan penerbitan seperti poster, brosur dan risalah turut diedarkan kepada pengunjung *booth* pameran. Pelaksanaan pameran oleh JAS WPKL adalah seperti **Jadual 4.9** dan gambar-gambar adalah seperti di **Gambafoto 4.25** hingga **Gambarfoto 4.34.**

Jadual 4.9: *Pameran Alam Sekitar Tahun 2025*

Bil.	Senarai Pameran Alam Sekitar	Tarikh	Tempat
1.	Pameran Kesedaran Alam Sekitar sempena Program Wacana Ilmu: Seminar Etika Alam Sekitar	23 Januari 2025	Dewan Azman Hashim Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur
2.	Pameran sempena Hari Bumi – *Our Power Our Planet*	22 April 2025	Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya
3.	Program *Knowledge Transfer* "*Bright Minds, Green Future*" sempena Sambutan Hari Bumi 2025	26 April 2025	Asia Pasific University Campus
4.	Program Jom Bersih Bukit Bintang ke-23 "Komuniti Bersatu Ke Arah Sifar Sisa"	17 Mei 2025	Bukit Bintang, Kuala Lumpur
5.	Program Ecofiesta: *Nurture 4 Nature* sempena Hari Alam Sekitar Sedunia	22 Mei 2025	SMI IQ, Kuala Lumpur
6.	*Navigating Sustainability Regulations in Malaysia F&B Sector*	29 Mei 2025	Aloft, KL Sentral
7.	*KL Sustainable School Exhibition 2025 (KLSSE 2025) & National Sustainability Innovation Challenge* (NASIC'25)	13 Jun 2025	Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur
8.	Program "*River We Share, Together We Care*" sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2025	14 Jun 2025	Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur
9.	Dialog Bandaraya Parlimen Bukit Bintang 2025	28 Jun 2025	Perpustakaan Kuala Lumpur
10.	Ceramah & Aluan Semasa Program di Padang Balang	05 Julai 2025	Kampung Padang Balang, WPKL
11.	Pengurusan Sisa Pepejal	10 Julai 2025	IPG KBA
12.	Sesi Libat Urus Promosi Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS)	22 Julai 2025	Kolej Tingkatan 6 Desa Mahkota, Manjalara WPKL
13.	Pameran - Program Kitar Semula sempena Bulan Kemerdekaan dan Hari Ozon Bersama MRANTI	27 Ogos 2025	MRANTI Park Malaysia, WPKL
14.	Pameran - Program Reruai Fiesta Rakan Muda X Lembayung Kemerdekaan Universiti Poly-Tech Malaysia	5 September 2025	UPTM, WPKL
15.	Pameran - Program Komuniti Bersama Jabatan Alam Sekitar "Selamatkan Ozon, Selamatkan Kehidupan"	25 September 2025	Kolej Poly-Tech MARA, WPKL

Bil.	Senarai Pameran Alam Sekitar	Tarikh	Tempat
16.	Pameran - Program Komuniti Larangan & Hentikan Pembakaran Terbuka sempena Hari Ozon Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2025	27 September 2025	PPR Perkasa Cheras, WPKL
17.	Pameran sempena Hari *OSH* UTM 2025	30 September 2025	Universiti Teknologi Malaysia, WPKL
18.	Pameran sempena Program Hari Teknologi Hijau Peringkat Negeri 2025	8 Oktober 2025	Sek. Keb. Desa Pandan, WPKL
19.	Pameran sempena Program *Ecorace*, Hijau dan Sejahtera Tahun 2025	1 November 2025	Taman Tasik Permaisuri, WPKL
20.	Pameran sempena Program Santai Lestari Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
21.	Pameran sempena Sifar Sisa di Pusat Membeli Belah di WPKL	3 Disember 2025	MyTown Shopping Centre, WPKL
22.	Pameran Sempena *Sustainability Booth Activation* di Menara KPJ	10 Disember 2025	Menara KPJ Jalan Tun Razak, WPKL



Gambarfoto 4.25: *Pameran Kesedaran Alam Sekitar Sempena Program Wacana Ilmu: Seminar Etika Alam Sekitar 2025 Di UTM KL*



Gambarfoto 4.26: *Pameran Sempena Program Jom Bersih Bukit Bintang Ke-23 "Komuniti Bersatu Ke Arah Sifar Sisa" Pada 17 Mei 2025*



Gambarfoto 4.27: *Pameran Kesedaran Alam Sekitar Sempena Program Ecofiesta: Nurture 4 Nature Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia Di Sekolah Menengah Islam IQKL Pada 22 Mei 2025*



Gambarfoto 4.28: *Pameran Alam Sekitar Sempena Program Navigating Sustainability Regulations In Malaysia F&B Sector Di Aloft KL Sentral Pada 29 Mei 2025*



Gambarfoto 4.29: *Pameran Alam Sekitar Sempena Dialog Bandaraya Parlimen Bukit Bintang 2025 Di Perpustakaan KL*



Gambarfoto 4.30: *Pameran Alam Sekitar Sempena Ceramah & Aluan Semasa Program Di Padang Balang Pada 5 Julai 2025*



Gambarfoto 4.31: *Pameran Kesedaran Alam Sekitar Sempena KL Sustainable School Exhibition 2025 (KLSSE 2025) & National Sustainability Innovation Challenge (NASIC'25)*



Gambarfoto 4.32: *Pameran Alam Sekitar Sempena Program Komuniti Bersama Jabatan Alam Sekitar "Selamatkan Ozon, Selamatkan Kehidupan" Di Kolej Poly-Tech MARA*



Gambarfoto 4.33: *Pameran Kesedaran Alam Sekitar Sempena Program Komuniti Larangan & Hentikan Pembakaran Terbuka Sempena Hari Ozon 2025*



Gambarfoto 4.34: *Pameran Alam Sekitar Sempena Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Wilayah Persekuuan Kuala Lumpur 2025*

Penyebaran Maklumat Alam Sekitar

Sepanjang tahun 2025, pelbagai bahan risalah sama ada dalam bentuk fizikal termasuk poster, *flyers* dan brosur atau digital untuk hebahan di media sosial seperti *e-poster* dan infografik telah diedarkan kepada pihak industri, orang awam dan pelajar sekolah untuk tujuan memberi kesedaran dan penyebaran maklumat. Gambar seperti di **Gambarfoto 4.35** dan **Gambarfoto 4.36.**



E-poster Promosi Program Jom Sedekah E-waste



E-poster Program Untuk Hebahan



Infografik Bagi Tujuan Hebahan



E-poster Program Untuk Hebahan



E-poster Hebahan HASN 2025

Gambarfoto 4.35: *Bahan-Bahan Penyebaran Maklumat Alam Sekitar, 2025*



E-poster Program Untuk Hebahan



E-poster Hebahan Program Webinar



E-poster Program Pengumpulan E-waste



E-poster Hebahan Program Komuniti



E-poster Libat Urus SLAAS

Gambarfoto 4.36: *Bahan-Bahan Penyebaran Maklumat Alam Sekitar, 2025*

Program Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik (E-waste)

Program Pengumpulan *E-waste* adalah bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai kaedah pengurusan dan pelupusan *e-waste* dengan cara yang betul dan mesra alam. Selaras dengan hasrat Jabatan untuk memastikan *e-waste* diurus dan dilupuskan dengan sempurna mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan dikendalikan oleh pihak atau premis yang didaftarkan mahupun dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Sepanjang tahun 2025, sebanyak 42 program pengumpulan *e-waste* telah dilaksanakan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan sebanyak 4 tan *e-waste* telah berjaya dikumpulkan. Pelaksanaan program tersebut adalah seperti dalam **Jadual 4.10** dan gambar seperti di **Gambarfoto 4.37** dan **Gambarfoto 4.38.**

Jadual 4.10: *Pelaksanaan Program Pengumpulan Buangan Elektrikal dan Elektronik, Tahun 2025*

Bil.	Nama Program Pengumpulan BEE (E-waste)	Tarikh	Tempat
1.	Program Pengumpulan *E-waste* di UTM KL sempena Program Seminar Etika Alam Sekitar "Mencari Keseimbangan di Era Moden"	23 Januari 2025	Dewan Azman Hashim, Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur
2.	Program Pengumpulan *E-waste* di Masjid-Masjid Sekitar WP Kuala Lumpur sempena Bulan Ramadan dan Sambutan Hari Bumi serta pendaftaran Rakan Alam Sekitar	3 Mac 2025 – 25 Mac 2025	Masjid Al-Ikhlasiah, Pantai Dalam, WPKL
3.	Program Pengumpulan *E-waste* di Masjid-Masjid Sekitar WP Kuala Lumpur sempena Bulan Ramadan dan Sambutan Hari Bumi serta pendaftaran Rakan Alam Sekitar	3 Mac 2025 – 25 Mac 2025	Masjid Saidina Abu Bakar As-Saddiq, Bangsar, WPKL
4.	Program Pengumpulan *E-waste* di Masjid-Masjid Sekitar WP Kuala Lumpur sempena Bulan Ramadan dan Sambutan Hari Bumi serta pendaftaran Rakan Alam Sekitar	3 Mac 2025 – 25 Mac 2025	Masjid Al-Zakirin, Selayang, WPKL
5.	Program Pengumpulan *E-waste* di Masjid-Masjid Sekitar WP Kuala Lumpur sempena Bulan Ramadan dan Sambutan Hari Bumi serta pendaftaran Rakan Alam Sekitar	3 Mac 2025 – 25 Mac 2025	Masjid An-Najihin, Bandar Seri Permaisuri, Cheras, WPKL
6.	Program Pengumpulan *E-waste* di Masjid-Masjid Sekitar WP Kuala Lumpur sempena Bulan Ramadan dan Sambutan Hari Bumi serta pendaftaran Rakan Alam Sekitar	3 Mac 2025 – 25 Mac 2025	Masjid Saidina Umar Al-Khatab, Bukit Damansara, WPKL
7.	Program Pengumpulan *E-waste* di Masjid-Masjid Sekitar WP Kuala Lumpur sempena Bulan Ramadan dan Sambutan Hari Bumi serta pendaftaran Rakan Alam Sekitar	3 Mac 2025 – 25 Mac 2025	Masjid Muadz Bin Jabal, Setiawangsa, WPKL
8.	Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) anjuran bersama DBKL	8 Mac 2025	PPR Seri Semarak, Setiawangsa, WPKL
9.	Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) anjuran bersama DBKL	8 Mac 2025	PPR Gombak Setia, Wangsa Maju, WPKL
10.	Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) anjuran bersama DBKL	15 Mac 2025	PPR Seri Pantai, Lembah Pantai, WPKL
11.	Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) anjuran bersama DBKL	15 Mac 2025	PPR Desa Rejang, Setiawangsa, WPKL
12.	Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) anjuran bersama DBKL	22 Mac 2025	PPR Pekan Batu, Batu, WPKL

Bil.	Nama Program Pengumpulan BEE (E-waste)	Tarikh	Tempat
13.	Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula(1C1R) anjuran bersama DBKL	22 Mac 2025	PPR Batu Muda, Batu, WPKL
14.	Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) anjuran bersama DBKL	22 Mac 2025	PPR Wahyu, Kepong, WPKL
15.	Program Kesedaran Kitar Semula bersama komuniti PPR Pudu Ulu sempena Hari Bumi	12 April 2025	PPR Pudu Ulu, WPKL
16.	Program Kesedaran Kitar Semula di Perumahan Awam Wangsa Maju sempena Hari Bumi	12 April 2025	PA Wangsa Maju, WPKL
17.	Program Pengumpulan *E-waste* & Kesedaran Hari Bumi- Forum "*The Hidden Crisis: Tackling Illegal E-waste Factories in* Malaysia"	16 April 2025	Fakulti Perundangan Universiti Malaya, WPKL
18.	Program Pengumpulan *E-waste* di *Earth Day Mini Fair* anjuran Fakulti Perundangan Universiti Malaya	22 April 2025	Fakulti Perundangan Universiti Malaya, WPKL
19.	Program Pengumpulan *E-waste* sempena Program *Schedule Waste Awareness* dan Pengumpulan *E-waste* sempena Hari Bumi 2025 anjuran Sapura Energy Sdn. Bhd.	22 April 2025	SEB Menara PNB, WPKL dan atas talian
20.	Program Pengumpulan *E-waste* sempena *Knowledge Transfer* "*Bright Minds, Green Future*" anjuran bersama Asia Pacific University dan JAS WPKL sempena Hari Bumi 2025	26 April 2025	Asia Pacific University
21.	Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) anjuran bersama DBKL	3 Mei 2025	PPR Seri Cempaka, WPKL
22.	Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) anjuran bersama DBKL	3 Mei 2025	PPR Seri Anggerik, WPKL
23.	Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) anjuran bersama DBKL	3 Mei 2025	PA Seri Perak, WPKL
24.	Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) anjuran bersama DBKL	10 Mei 2025	PPR Seri Aman, WPKL
25.	Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) anjuran bersama DBKL	10 Mei 2025	PA Seri Perlis 1, WPKL
26.	Program Pengumpulan *E-waste* di Asia Pacific University 2025	31 Mei 2025	Asia Pacific University
27.	Program Pengumpulan *E-waste* di Masjid An-Najihin (Lanjutan)	31 Mei 2025	Masjid An-Najihin, Permaisuri Cheras, WPKL
28.	Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) anjuran bersama DBKL	14 Jun 2025	PPR Intan Baiduri, WPKL
29.	Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) anjuran bersama DBKL	14 Jun 2025	Sentul Utara Fasa 8&9, WPKL
30.	Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) anjuran bersama DBKL	14 Jun 2025	Sentul Utara Fasa 3, WPKL
31.	Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) anjuran bersama DBKL	21 Jun 2025	PA Seri Pahang, WPKL
32.	Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) anjuran bersama DBKL	28 Jun 2025	PPR Taman Mulia, WPKL
33.	Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) anjuran bersama DBKL	28 Jun 2025	PPR Sungai Bonus, WPKL

Bil.	Nama Program Pengumpulan BEE (E-waste)	Tarikh	Tempat
34.	Program Pengumpulan *E-waste* di Masjid Al-Ikhlasiah (Lanjutan)	30 Jun 2025	Masjid Al-Ikhlasiah, Pantai Dalam, WPKL
35.	Program Pengumpulan *E-waste* di Asia Pacific University 2025	30 Jun 2025	Asia Pacific University
36.	Program Pengumpulan *E-waste* di Sek.Keb. Bukit Damansara	11 Julai 2025	Sek. Keb. Bukit Damansara
37.	Program Pengumpulan *E-waste* di Program Kesedaran Alam Sekitar "*River We Share, Together We Care*" sempena Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2025	5 Julai 2025	Kampung Padang Balang, WPKL
38.	Pengumpulan *E-waste* - Program Kitar Semula sempena Bulan Kemerdekaan dan Hari Ozon bersama MRANTI	27 Ogos 2025	MRANTI Park Malaysia, WPKL
39.	Pengumpulan *E-waste* - Program Daya Tahan Komuniti Kampung Pasir Baru (UCRP)	2 Ogos 2025	Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, DBKL
40.	Pengumpulan *E-waste* - Program Komuniti bersama Jabatan Alam Sekitar "Selamatkan Ozon, Selamatkan Kehidupan"	25 September 2025	Kolej Poly-Tech MARA, WPKL
41.	Program Komuniti Larangan Pembakaran Terbuka sempena Hari Ozon Peringkat WPKL	27 September 2025	PPR Perkasa Cheras, WPKL
42.	Pengumpulan *E-waste* sempena Program *Ecorace*, Hijau dan Sejahtera Tahun 2025	1 November 2025	Taman Tasik Permaisuri, WPKL



Gambarfoto 4.37: *Program Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik (E-waste), 2025*



Gambarfoto 4.38: *Program Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik (E-waste), 2025*

Sambutan Hari Bumi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Sambutan Hari Bumi diadakan bertujuan untuk menghargai bumi di samping memupuk rasa tanggungjawab dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan memelihara serta melindungi bumi dan alam sekitar. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan sempena sambutan Hari Bumi pada tahun 2025 adalah seperti **Jadual 4.11** dan gambar-gambar aktiviti adalah seperti dalam **Gambarfoto 4.39** dan **Gambarfoto 4.40.**

Jadual 4.11: *Pelaksanaan Aktiviti-Aktiviti Sempena Sambutan Hari Bumi, 2025*

Bil.	Aktiviti Sempena Program Sambutan Hari Bumi	Tarikh	Tempat
1.	Pertandingan Plastik Inovasi sempena Hari Bumi anjuran bersama Jabatan Alam Sekitar WPKL dan Sekolah Wesley Methodist School Kuala Lumpur International	3 Mac 2025	Dewan Wesley, Methodist School Kuala Lumpur International
2.	Program Kesedaran Alam Sekitar sempena Bulan Ramadan dan Sambutan Hari Bumi (Pengumpulan *E-waste* dan Rakan Alam Sekitar)	3 Mac 2025 – 25 Mac 2025	Masjid Al-Ikhlasiah, Pantai Dalam, WPKL
3.	Program Kesedaran Alam Sekitar sempena Bulan Ramadan dan Sambutan Hari Bumi (Pengumpulan *E-waste* dan Rakan Alam Sekitar)	3 Mac 2025 – 25 Mac 2025	Masjid Saidina Abu Bakar As-Saddiq, Bangsar, WPKL
4.	Program Kesedaran Alam Sekitar sempena Bulan Ramadan dan Sambutan Hari Bumi (Pengumpulan *E-waste* dan Rakan Alam Sekitar)	3 Mac 2025 – 25 Mac 2025	Masjid Al-Zakirin, Selayang, WPKL

Bil.	Aktiviti Sempena Program Sambutan Hari Bumi	Tarikh	Tempat
5.	Program Kesedaran Alam Sekitar sempena Bulan Ramadan dan Sambutan Hari Bumi (Pengumpulan *E-waste* dan Rakan Alam Sekitar)	3 Mac 2025 – 25 Mac 2025	Masjid An-Najihin, Bandar Seri Permaisuri, Cheras, WPKL
6.	Program Kesedaran Alam Sekitar sempena Bulan Ramadan dan Sambutan Hari Bumi (Pengumpulan *E-waste* dan Rakan Alam Sekitar)	3 Mac 2025 – 25 Mac 2025	Masjid Saidina Umar Al-Khatab, Bukit Damansara, WPKL
7.	Program Kesedaran Alam Sekitar sempena Bulan Ramadan dan Sambutan Hari Bumi (Pengumpulan *E-waste* dan Rakan Alam Sekitar)	3 Mac 2025 – 25 Mac 2025	Masjid Muadz Bin Jabal, Setiawangsa, WPKL
8.	Program Kesedaran Kitar Semula bersama komuniti PPR Pudu Ulu sempena Hari Bumi	12 April 2025	PPR Pudu Ulu, WPKL
9.	Program Kesedaran Kitar Semula di Perumahan Awam Wangsa Maju sempena Hari Bumi	12 April 2025	PA Wangsa Maju, WPKL
10.	Taklimat Mengenai Perundangan Pindaan Akta anjuran Edgenta Health Sdn. Bhd.	15 April 2025	UEM Edgenta Sdn. Bhd. dan atas talian
11.	Program Kesedaran Hari Bumi- Forum "*The Hidden Crisis: Tackling Illegal E-waste Factories in* Malaysia"	16 April 2025	Fakulti Perundangan UM, WPKL
12.	*Earth Day Mini Fair* anjuran Fakulti Perundangan Universiti Malaya	22 April 2025	Fakulti Perundangan UM, WPKL
13.	Program Ceramah *Schedule Waste Awareness* dan Pengumpulan *E-waste* sempena Hari Bumi 2025 anjuran Sapura Energy Sdn. Bhd.	22 April 2025	SEB Menara PNB, WPKL dan atas talian
14.	Program Pengumpulan *E-waste* sempena Hari Bumi 2025 anjuran Sapura Energy Sdn. Bhd.	22 April 2025	SEB Menara PNB, WPKL dan atas talian
15.	Program *Knowledge Transfer* "*Bright Minds, Green Future*" anjuran bersama Asia Pacific University dan JAS WPKL sempena Hari Bumi 2025	26 April 2025	Asia Pacific University
16.	Pameran Alam Sekitar sempena Program *Knowledge Transfer* "*Bright Minds, Green Future*" anjuran bersama Asia Pacific University dan JAS WPKL sempena Hari Bumi 2025	26 April 2025	Asia Pacific University
17.	Program Ceramah sempena Program *Knowledge Transfer* "*Bright Minds, Green Future*" anjuran bersama Asia Pacific University dan JAS WPKL sempena Hari Bumi 2025	26 April 2025	Asia Pacific University



Gambarfoto 4.39: *Earth Day Mini Fair Anjuran Fakulti Perundangan Universiti Malaya Sempena Hari Bumi 2025*



Gambarfoto 4.40: *Earth Day Mini Fair Anjuran Fakulti Perundangan Universiti Malaya Sempena Hari Bumi 2025*

Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Hari Alam Sekitar Sedunia disambut pada tanggal 5 Jun setiap tahun untuk meningkatkan kesedaran global dan mengambil tindakan terhadap pemeliharaan alam sekitar, selain menggalakkan aktiviti komuniti untuk melindungi alam sekitar. Pada tahun 2025 beberapa aktiviti telah dilaksanakan bersempena dengan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia seperti dalam **Jadual 4.12** dan perlaksanaan aktiviti seperti dalam **Gambarfoto 4.41** dan **Gambarfoto 4.42.**

Jadual 4.12: *Aktiviti-Aktiviti Sempena Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia, 2025*

Bil.	Aktiviti Sempena Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia	Tarikh	Tempat
1.	Program Hari Teknologi Hijau Peringkat Negeri 2025	8 Oktober 2025	Sek. Keb. Desa Pandan, WPKL
2.	Hakim Pertandingan Arca Asemblaj - Program Hari Teknologi Hijau Peringkat Negeri 2025	8 Oktober 2025	Sek. Keb. Desa Pandan, WPKL
3.	Hakim Pertandingan Melukis Poster Alam Sekitar - Program Hari Teknologi Hijau Peringkat Negeri 2025	8 Oktober 2025	Sek. Keb. Desa Pandan, WPKL
4.	Hakim Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi - Program Hari Teknologi Hijau Peringkat Negeri 2025	8 Oktober 2025	Sek. Keb. Desa Pandan, WPKL
5.	Hakim Pertandingan Pakaian Kretif Alam Sekitar - Program Hari Teknologi Hijau Peringkat Negeri 2025	8 Oktober 2025	Sek. Keb. Desa Pandan, WPKL
6.	Aktiviti Kuiz Interaktif - Program Hari Teknologi Hijau Peringkat Negeri 2025	8 Oktober 2025	Sek. Keb. Desa Pandan, WPKL
7.	Aktiviti Jelajah Alam Maya dengan Teknologi VR - Program Hari Teknologi Hijau Peringkat Negeri 2025	8 Oktober 2025	Sek. Keb. Desa Pandan, WPKL
8.	Program *Ecorace*, Hijau dan Sejahtera Tahun 2025	1 November 2025	Taman Tasik Permaisuri, WPKL

Bil.	Aktiviti Sempena Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia	Tarikh	Tempat
9.	Pertandingan *Explorace* sempena Program *Ecorace*, Hijau dan Sejahtera Tahun 2025	1 November 2025	Taman Tasik Permaisuri, WPKL
10.	Program Santai Lestari @ Taman Tugu sempena Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
11.	Aktiviti Kuiz Interaktif sempena Program Santai Lestari @ Taman Tugu sempena Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
12.	Pertandingan Mewarna sempena Program Santai Lestari @ Taman Tugu sempena Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
13.	Pertandingan *Explorace* sempena Program Santai Lestari @ Taman Tugu sempena Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
14.	Aktiviti Senamrobik sempena Program Santai Lestari @ Taman Tugu sempena Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
15.	Aktiviti Bengkel Karya Halus Lestari sempena Program Santai Lestari Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
16.	Aktiviti Bengkel Lestari sempena Program Santai Lestari @ Taman Tugu sempena Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
17.	Aktiviti Demo Masakan Sihat bersama Ajinomoto Sempena Program Santai Lestari @ Taman Tugu sempena Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
18.	Aktiviti *Pocket Talk* Berkenaan Kesihatan dan Alam Sekitar sempena Program Santai Lestari @ Taman Tugu sempena Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
19.	Aktiviti Muzik Angklung Bertemakan Alam sempena Program Santai Lestari @ Taman Tugu sempena Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
20.	Aktiviti *Face Painting* Bertemakan Alam sempena Program Santai Lestari @ Taman Tugu sempena Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL



Gambarfoto 4.41: *Pelaksanaan Aktiviti-Aktiviti Sempena Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia, 2025*



Gambarfoto 4.42: *Pelaksanaan Aktiviti-Aktiviti Sempena Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia, 2025*

Program Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon

Program Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon sempena Hari Ozon Sedunia dilaksanakan bertujuan untuk memberi kesedaran tentang kepentingan melindungi lapisan ozon daripada ancaman Bahan Pemusnah Ozon (BPO) seperti Klorofluorokarbon (CFC) dan lain-lain.

Tema Hari Ozon Sedunia tahun 2025 adalah "*From Science to Global Action*" menunjukkan peranan sains dalam mendorong tindakan bersama pada peringkat global. Secara umum, tema ini memfokuskan kepada usaha semua pihak dalam melindungi lapisan ozon dan perubahan iklim secara global. Manakala melalui perjanjian antarabangsa Protokol Montreal, usaha untuk melindungi lapisan ozon dengan mengawal pengeluaran dan penggunaan bahan kimia yang boleh merosakkan lapisan ozon, telah membantu memberi impak yang minimum kepada perubahan iklim dunia. Antara program yang dijalankan sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia pada tahun 2025 adalah seperti dalam **Jadual 4.13** dan gambar-gambar aktiviti adalah seperti dalam **Gambarfoto 4.43.**

Jadual 4.13: *Pelaksanaan Aktiviti-Aktiviti Sempena Program Sambutan Hari Ozon Sedunia, 2025*

Bil.	Aktiviti Sempena Program Sambutan Hari Ozon	Tarikh	Tempat
1.	Majlis Pelancaran Projek Kepimpinan, Perubahan Iklim & Tenaga Hijau (IKLIM) Peringkat WPKL	17 Julai 2025	Sek. Men. Keb. Chochrane, WPKL
2.	Promosi Program SLAAS - Majlis Pelancaran Projek Kepimpinan, Perubahan Iklim & Tenaga Hijau (IKLIM) Peringkat WPKL	17 Julai 2025	Sek. Men. Keb. Chochrane, WPKL
3.	Pendaftaran Ahli RAS - Majlis Pelancaran Projek Kepimpinan, Perubahan Iklim & Tenaga Hijau (IKLIM) Peringkat WPKL	17 Julai 2025	Sek. Men. Keb. Chochrane, WPKL
4.	Sesi Libat Urus Promosi SLAAS	22 Julai 2025	Kolej Ting. 6 Desa Mahkota, Manjalara WPKL
5.	Pendaftaran Ahli RAS - Sesi Libat Urus Promosi SLAAS	22 Julai 2025	Kolej Ting. 6 Desa Mahkota, Manjalara WPKL
6.	Program Daya Tahan Komuniti Kampung Pasir Baru (UCRP)	2 Ogos 2025	Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL
7.	Pengumpulan *E-waste* - Program Daya Tahan Komuniti Kampung Pasir Baru (UCRP)	2 Ogos 2025	Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL
8.	Program Kem Kepimpinan Belia dan Tenaga Hijau 2025 sempena Hari Ozon	9 Ogos 2025	Kem Al Azhar, Morib
9.	Ceramah Alam Sekitar - Program Kem Kepimpinan Belia dan Tenaga Hijau 2025	9 Ogos 2025	Kem Al Azhar, Morib
10.	Pendaftaran Ahli RAS - Program Kem Kepimpinan Belia dan Tenaga Hijau 2025	9 Ogos 2025	Kem Al Azhar, Morib
11.	Kuiz Alam Sekitar - Program Kem Kepimpinan Belia dan Tenaga Hijau 2025	9 Ogos 2025	Kem Al Azhar, Morib
12.	Program Kitar Semula sempena Bulan Kemerdekaan dan Hari Ozon Bersama MRANTI	27 Ogos 2025	MRANTI Park Malaysia, WPKL
13.	Pameran - Program Kitar Semula sempena Bulan Kemerdekaan dan Hari Ozon bersama MRANTI	27 Ogos 2025	MRANTI Park Malaysia, WPKL
14.	Pengumpulan *E-waste* - Program Kitar Semula sempena Bulan Kemerdekaan dan Hari Ozon bersama MRANTI	27 Ogos 2025	MRANTI Park Malaysia, WPKL
15.	Pengumpulan Minyak Masak Terpakai - Program Kitar Semula sempena Bulan Kemerdekaan dan Hari Ozon bersama MRANTI	27 Ogos 2025	MRANTI Park Malaysia, WPKL

Bil.	Aktiviti Sempena Program Sambutan Hari Ozon	Tarikh	Tempat
16.	Program Kudah: Merdeka Tanpa Sampah Sempena Hari Ozon Sedunia	28 Januari 2025	MRANTI Park Malaysia, WPKL
17.	Aktiviti Senamrobik - Program Kudah: Merdeka Tanpa Sampah sempena Hari Ozon Sedunia	28 Januari 2025	MRANTI Park Malaysia, WPKL
18.	Aktiviti Kutip Sampah - Program Kudah: Merdeka Tanpa Sampah sempena Hari Ozon Sedunia	28 Januari 2025	MRANTI Park Malaysia, WPKL
19.	Program Reruai Fiesta Rakan Muda X Lembayung Kemerdekaan Universiti Poly-Tech Malaysia	5 September 2025	UPTM, WPKL
20.	Pameran - Program Reruai Fiesta Rakan Muda X Lembayung Kemerdekaan Universiti Poly-Tech Malaysia	5 September 2025	UPTM, WPKL
21.	Aktivi Kuiz Interaktif - Program Reruai Fiesta Rakan Muda X Lembayung Kemerdekaan Universiti Poly-Tech Malaysia	5 september 2025	UPTM, WPKL
22.	Bengkel Promosi dan Libat Urus SLAAS sesi 2025/2026	9 September 2025	Ibu Pejabat JAS, Putrajaya
23.	Pendaftaran Ahli RAS - Bengkel Promosi dan Libat Urus SLAAS sesi 2025/2026	9 September 2025	Ibu Pejabat JAS, Putrajaya
24.	Program *World Clean-Up Day* 2025 anjuran Sunway Putra Hotel	18 September 2025	Sunway Putra Hotel, WPKL
25.	Ceramah Kesedaran Alam Sekitar - Program *World Clean-Up Day* 2025 anjuran Sunway Putra Hotel	18 September 2025	Sunway Putra Hotel, WPKL
26.	Pendaftaran Ahli RAS - Program *World Clean-Up Day* 2025 anjuran Sunway Putra Hotel	18 September 2025	Sunway Putra Hotel, WPKL
27.	Program Komuniti bersama Jabatan Alam Sekitar "Selamatkan Ozon, Selamatkan Kehidupan"	25 September 2025	Kolej Poly-Tech MARA, WPKL
28.	Ceramah Alam Sekitar - Program Komuniti bersama Jabatan Alam Sekitar "Selamatkan Ozon, Selamatkan Kehidupan"	25 September 2025	Kolej Poly-Tech MARA, WPKL
29.	Pameran - Program Komuniti bersama Jabatan Alam Sekitar "Selamatkan Ozon, Selamatkan Kehidupan"	25 September 2025	Kolej Poly-Tech MARA, WPKL
30.	Pengumpulan Minyak Masak Terpakai - Program Komuniti bersama Jabatan Alam Sekitar "Selamatkan Ozon, Selamatkan Kehidupan"	25 September 2025	Kolej Poly-Tech MARA, WPKL
31.	Pengumpulan *E-waste* - Program Komuniti bersama Jabatan Alam Sekitar "Selamatkan Ozon, Selamatkan Kehidupan"	25 September 2025	Kolej Poly-Tech MARA, WPKL
32.	Program Komuniti Larangan & Hentikan Pembakaran Terbuka sempena Hari Ozon Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2025	27 September 2025	PPR Perkasa Cheras, WPKL
33.	Pertandingan Mewarna - Program Komuniti Larangan & Hentikan Pembakaran Terbuka sempena Hari Ozon Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2025	27 September 2025	PPR Perkasa Cheras, WPKL
34.	Pertandingan *Explorace* - Program Komuniti Larangan & Hentikan Pembakaran Terbuka sempena Hari Ozon Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2025	27 September 2025	PPR Perkasa Cheras, WPKL
35.	Aktiviti Senamrobik - Program Komuniti Larangan & Hentikan Pembakaran Terbuka sempena Hari Ozon Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2025	27 September 2025	PPR Perkasa Cheras, WPKL

Bil.	Aktiviti Sempena Program Sambutan Hari Ozon	Tarikh	Tempat
36.	Pameran - Program Komuniti Larangan & Hentikan Pembakaran Terbuka sempena Hari Ozon Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2025	27 September 2025	PPR Perkasa Cheras, WPKL
37.	Demonstrasi Bunyi Bising - Program Komuniti Larangan & Hentikan Pembakaran Terbuka Sempena Hari Ozon Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2025	27 September 2025	PPR Perkasa Cheras, WPKL
38.	Webinar *Ranger Fathopes* X RAS: Pengenalan Sistem Aplikasi Pengumpulan Minyak Masak Terpakai	1 Oktober 2025	*Online*
39.	Pendaftaran Ahli RAS - Webinar *Ranger Fathopes* X RAS: Pengenalan Sistem Aplikasi Pengumpulan Minyak Masak Terpakai	1 Oktober 2025	*Online*



Gambarfoto 4.43: *Program Komuniti Larangan & Hentikan Pembakaran Terbuka Sempena Hari Ozon Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2025*

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2025

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) disambut pada 21 Oktober setiap tahun untuk memupuk kesedaran berterusan, cinta akan alam sekitar, dan komitmen pemeliharaan serta pemuliharaan alam di semua peringkat masyarakat termasuk meningkatkan jalinan kerjasama di antara agensi kerajaan dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang awam. Program-program yang dijalankan sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 2025 adalah seperti dalam **Jadual 4.14.**

Jadual 4.14: *Pelaksanaan Program Dan Aktiviti Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara, 2025*

Bil.	Aktiviti Sempena Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara	Tarikh	Tempat
1.	Program Hari Teknologi Hijau Peringkat Negeri 2025	8 Oktober 2025	Sek. Keb. Desa Pandan, WPKL
2.	Hakim Pertandingan Arca Asemblaj – Program Hari Teknologi Hijau Peringkat Negeri 2025	8 Oktober 2025	Sek. Keb. Desa Pandan, WPKL
3.	Hakim Pertandingan Melukis Poster Alam Sekitar – Program Hari Teknologi Hijau Peringkat Negeri 2025	8 Oktober 2025	Sek. Keb. Desa Pandan, WPKL
4.	Hakim Pertandingan Reka Cipta Dan Inovasi – Program Hari Teknologi Hijau Peringkat Negeri 2025	8 Oktober 2025	Sek. Keb. Desa Pandan, WPKL
5.	Hakim Pertandingan Pakaian Kretif Alam Sekitar – Program Hari Teknologi Hijau Peringkat Negeri 2025	8 Oktober 2025	Sek. Keb. Desa Pandan, WPKL
6.	Aktiviti Kuiz Interaktif – Program Hari Teknologi Hijau Peringkat Negeri 2025	8 Oktober 2025	Sek. Keb. Desa Pandan, WPKL
7.	Aktiviti Jelajah Alam Maya dengan Teknologi VR – Program Hari Teknologi Hijau Peringkat Negeri 2025	8 Oktober 2025	Sek. Keb. Desa Pandan, WPKL
8.	Pertandingan *Explorace* sempena Program *Ecorace*, Hijau dan Sejahtera Tahun 2025	1 November 2025	Taman Tasik Permaisuri, WPKL
9.	Program Santai Lestari @ Taman Tugu sempena Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
10.	Aktiviti Kuiz Interaktif sempena Program Santai Lestari @ Taman Tugu Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
11.	Pertandingan Mewarna sempena Program Santai Lestari @ Taman Tugu sempena Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
12.	Pertandingan *Explorace* sempena Program Santai Lestari @ Taman Tugu sempena Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
13.	Aktiviti Senamrobik sempena Program Santai Lestari @ Taman Tugu sempena Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
14.	Aktiviti Bengkel Karya Halus Lestari sempena Program Santai Lestari Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
15.	Aktiviti Bengkel Lestari sempena Program Santai Lestari @ Taman Tugu sempena Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
16.	Aktiviti Demo Masakan Sihat bersama Ajinomoto sempena Program Santai Lestari @ Taman Tugu sempena Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
17.	Aktiviti *Pocket Talk* Berkenaan Kesihatan dan Alam Sekitar sempena Program Santai Lestari @ Taman Tugu sempena Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
18.	Aktiviti Muzik Angklung Bertemakan Alam sempena Program Santai Lestari @ Taman Tugu sempena Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL
19.	Aktiviti *Face Painting* Bertemakan Alam sempena Program Santai Lestari @ Taman Tugu sempena Hari Alam Sekitar Negara 2025 Peringkat WPKL	16 November 2025	Taman Tugu, WPKL

Program Sambutan Utama Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2025 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2025 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur anjuran Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah dilaksanakan pada 16 November 2025 di Taman Tugu, Kuala Lumpur dengan usaha sama 16 rakan strategik. Sambutan yang berkonsepkan santai ini telah dirasmikan oleh Puan Hajah Zuraini binti Haji Ahmad Tajudin, Pengarah JAS WPKL.

Antara pengisian dan aktiviti yang dijalankan sepanjang sambutan HASN 2025 adalah seperti berikut:

- Kuiz interaktif
- Pertandingan mewarna
- Pertandingan *explorace*
- Aktiviti senamrobik
- Aktiviti bengkel karya seni halus
- Aktiviti bengkel lestari
- Aktiviti demo masakan sihat bersama Ajinomoto
- Aktiviti *pocket talk* berkenaan kesihatan dan alam sekitar
- Edaran pokok percuma
- Aktiviti muzik angklung bertemakan alam sekitar
- Cabutan bertuah
- Aktiviti *face painting*

Gambarfoto 4.44 hingga **Gambarfoto 4.46** menunjukkan aktiviti semasa program tersebut.



Gambarfoto 4.44: *Pelaksanaan Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2025*



Gambarfoto 4.45: *Pelaksanaan Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2025*



Gambarfoto 4.46: *Pelaksanaan Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2025*

PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) juga menerima pelajar-pelajar dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta bagi menjalankan latihan industri dan praktikal. Pada tahun 2025, seramai tiga (3) orang pelajar telah diterima untuk menjalani latihan industri di JAS WPKL. Pelajar dari pelbagai latar belakang jurusan seperti sains, teknologi alam sekitar, pentadbiran dan kejuruteraan telah ditempatkan di pelbagai unit di Jabatan ini. Pelajar-pelajar turut didedahkan dengan kerja-kerja pengurusan alam sekitar yang meliputi bidang asas penguatkuasaan, pendidikan dan kesedaran awam, pengawasan di lapangan dan asas penilaian kualiti alam sekitar. **Gambarfoto 4.47** menunjukkan antara penglibatan pelajar-pelajar latihan industri di dalam progam JAS WPKL pada tahun 2025.



Penglibatan Pelajar Di Program Komuniti Larangan & Hentikan Pembakaran Terbuka Sempena Hari Ozon Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2025



Penglibatan Pelajar Di Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Tahun 2025



Penglibatan Pelajar Di Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2025 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Gambarfoto 4.47: *Penglibatan Pelajar Latihan Industri Di Beberapa Program Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2025*

inlay JAS KL-D2.indd 85 09/09/2026 9:39 AM

Jabatan Alam Sekitar
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
L4-I-3 Hive 5, Taman Teknologi Mranti,
Lebuhraya Puchong - Sg. Besi, Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur
03-89939023 03-89939079

www.doe.gov.my

ISSN 3030-5128
9 773030 512003

inlay JAS KL-D2.indd 86 09/09/2026 9:39 AM